Pelita Brunei

ثڤيتا بروني

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

PETIKAN TITAH

"MASA kini, kita sedang bergerak ke arah pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syar'iah. Beta berharap para belia tidak ketinggalan untuk mendukungnya. Kewajipan mereka juga termasuk untuk memahami dan mendalami serta mengetahui pengertian-pengertian yang terkandung di dalamnya. Dengan demikian itu, para belia akan menjadi golongan yang lebih matang dalam perkara ini."
- Titah Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-8, Tahun 2013.

MANISNYA IMAN

"UCAPAN penghormatan kepada mereka semasa menemuinya (di akhirat) ialah salam. Dan Dia telah menyediakan untuk mereka pahala yang mulia."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 44.

Waktu Sembahyang	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 22 | 20 FEBRUARI 2019 / 15 جمادى الأخير 1440 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

545 penerima dikurniakan anak kunci rumah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUNGKU LINK, Isnin, 18 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan anak-anak kunci rumah Kluster Lugu serta rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara kepada 545 penerima di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Ke muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan anak-anak kunci rumah Kluster Lugu serta rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (*Lihat muka 3 dan 4*).

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

KELUARAN KHAS
PELITA BRUNEI hari ini menerbitkan KELUARAN KHAS sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengerusi Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia, Puan Yang Terutama Valentina Matvienko.

Ke muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Pengerusi Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia, Puan Yang Terutama Valentina Matvienko di Istana Nurul Iman.

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

Wujudkan peluang meningkatkan taraf hidup rakyat

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Tuan Yang Terutama, Perdana Menteri Thongloun Sisoulith

Beta dengan amat sukacita mengalu-alukan lawatan rasmi pertama TYT sebagai Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao ke Negara Brunei Darussalam.

Kami gembira mengingati lawatan terdahulu TYT ke negara ini atas kapasiti sebelumnya dan menghargai sumbangan TYT untuk meningkatkan hubungan dua hala ini.

Sempena meraikan Ulang Tahun Ke-25 Hubungan Diplomatik kedua-dua negara, lawatan ini amat bermakna bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang amat bernilai ini.

Beta berharap kita akan terus bekerja rapat dalam meneroka peluang-peluang yang akan membawa manfaat bersama dan kemakmuran sepertimana yang kita cita-citakan untuk mencapai visi kebangsaan masing-masing.

Aspirasi dan usaha negara TYT yang luar biasa untuk menubuhkan perhubungan darat bukan sahaja dapat meningkatkan hubungan yang sedia ada tetapi juga mewujudkan peluang-peluang untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat dan pembangunan ekonomi negara TYT.

Beta berharap usaha ini akan berjaya, dan beta yakin negara TYT akan terus maju untuk tahun-tahun mendatang.

Beta gembira kerana sektor awam dan swasta kedua-dua negara aktif mencari jalan untuk meningkatkan kerjasama ekonomi.

Dalam hal ini, beta mengalu-alukan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Dewan Perniagaan Kebangsaan kedua-dua negara.

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Santap Rasmi bagi meraikan Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thongloun Sisoulith pada Sabtu, 11 Jamadilakhir 1440 Hijrah bersamaan 16 Februari 2019 Masihi di Dewan Persantapan, Istana Nurul Iman.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Apsah Haji Sahdan

Beta percaya bahawa Memorandum Persefahaman ini akan menggalakkan pertukaran dan persefahaman di antara kedua-dua pihak, terutamanya perusahaan-perusahaan mikro, kecil dan sederhana kedua-dua negara.

Adalah penting untuk memupuk perusahaan-perusahaan ini untuk menembusi pasaran serantau dan global, dan berkhidmat sebagai jentera bagi pertumbuhan ekonomi negara kita.

Satu lagi ciri penting dalam hubungan dua hala ini ialah hubungan rakyat dengan rakyat kedua-dua negara.

Kita gembira melihat pelajar awda melanjutkan pengajian mereka di bawah Biasiswa Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Beta berharap ini akan membantu ke arah mengukuhkan pembangunan kapisiti sumber daya manusia negara TYT.

Beta gembira kerana kita juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman dalam bidang pendidikan yang akan membuka jalan untuk pertukaran akademik dan mempromosikan kerjasama dalam bidang ini.

Pada peringkat serantau, negara kita adalah rakan rapat dalam ASEAN.

Memandangkan tahun ini merupakan Ulang Tahun Ke-20 Penubuhan ASEAN sebagai 10 ahli pertubuhan, adalah penting untuk kita mengukuhkan lagi komitmen kita bagi rantau ini, terutamanya dalam menghadapi cabaran-cabaran global.

Amat penting bagi kita untuk bekerjasama rapat dengan rakan-rakan ASEAN yang lain untuk membina komuniti ASEAN yang kuat dan bersatu dalam mewujudkan lebih banyak peluang-peluang untuk rakyat kita dan memperlengkapkan mereka untuk menghadapi masa hadapan.

Lawatan TYT pada hari ini memberikan kami momentum baharu untuk kerjasama dua hala dan serantau.

Beta memberi jaminan kepada TYT mengenai komitmen kami untuk membina hubungan yang amat penting yang telah kita nikmati selama 25 tahun yang lalu.

Sekali lagi, beta berharap TYT dan delegasi gembira sepanjang berada di Negara Brunei Darussalam ini.

Terima kasih.

Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Dari muka 1

Menyertai bersama Puan Yang Terutama ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Semivolos dan Timbalan Pengerusi Majlis Dewan Undangan Persekutuan Rusia, Wakil Kuasa Eksekutif Republik Dagestan, Tuan Iliyas Umakhanov.

Turut hadir ialah Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib dan Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet / Jurutulis I Majlis Mesyuarat Negara, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Haji Asar.

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Dari Sidang Pengarang.

20 FEBRUARI 2019 BERSAMAAN 1440 جمادى الأخير 15

HAYATI, SYUKURI KEMERDEKAAN

MENJAYAKAN wawasan negara, itulah tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-35, Tahun 2019. Tinggal dalam masa tiga hari sahaja lagi, negara akan menyambut hari kebangsaannya.

Segala persiapan sudah dan sedang giat dijalankan dalam memastikan segala perancangan dalam sambutan hari kebangsaan berjalan lancar seperti yang diharapkan.

Semua rumah kediaman, bangunan jabatan-jabatan kerajaan mahupun premis-premis perniagaan dan sekolah-sekolah telah menaik-kibarkan bendera negara dalam sama-sama menyemarakkan lagi sambutan hari kebangsaan negara tersebut.

Tidak ketinggalan Pengiran-Pengiran dan mereka yang disampiri gelaran juga turut sama menaik-kibarkan bendera peribadi masing-masing dalam meniti sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-35 nanti.

Dalam hal ini, Sembahyang Maghrib dan Isyak Berjemaah juga Bacaan Surah Yaa Siin akan diadakan di masjid-masjid utama di keempat-empat daerah secara serentak dalam memohon kesejahteraan, kemakmuran, kemajuan, perpaduan dan kebahagiaan NBD akan kekal di bawah daulat pemerintahan raja yang dikasihi.

Marilah kita sama-sama menghadiri dan dalam masa yang sama mengimarahkan masjid berdoa agara NBD akan terus maju dan makmur juga aman dan sentosa dalam rahmat dan inayah juga petunjuk Allah Subahanahu Wata'ala jua, aamiin.

Di samping itu kita juga akan mendapat pahala sembahyang berjemaah dan berkesempatan untuk memohon doa secara berjemaah dalam satu majlis yang dihadiri oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini, bahkan juga bakal menyaksikan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain menunaikan solat berjemaah bersama.

Marilah kita sama-sama memanjatkan doa kepada Allah agar NBD akan terus diberikan hidayah dan keberkatan membangun dan maju hingga dapat berdiri di atas kaki sendiri, bersaing bersama negara-negara maju yang lain.

Perjalan selama 35 Tahun dalam mengharungi kemerdekaannya merupakan satu perjalanan yang panjang, pastinya pelbagai dugaan dan cabaran telah ditempuhi, maka jadikanlah segala pengalaman sebagai pengajaran dan titik tolak untuk terus bangkit dan maju ke depan dan bukan sebaliknya.

Apa yang dapat kita lakukan buat negara? Antaranya, kita patuhi segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan; jagalah keamanan dan kedamaiannya; jagalah nama baik negara; bekerjalah ikhlas semata-mata kerana Allah; bersama-sama menggalas hasrat wawasan negara sebagai satu bangsa; ingat tanggungjawab sebagai rakyat dan penduduk NBD tidak akan terhenti sehingga tamat tempoh perkhidmatan sahaja, bahkan kelal selagi hayat dikandung badan dan selagi kita dikenali sebagai warganegara NBD.

Hayatilah erti kemerdekaan bukan sekadar di bibir sahaja, lihatlah keadaan negara luar yang masih berjuang untuk mendapat kemerdekaan mereka, pelajari kesilapan yang berlaku sebagai titik permulaannya, titik permulaan dalam sama-sama memastikan bahawa kemajuan dan kemakmuran negara adalah tanggungjawab kita semua, satu bangsa, satu jiwa, satu negara, insyaaAllah kekal bersatu maju makmur aman sentosa selamanya, di bawah kepimpinan seorang raja yang adil laila bijaksana.

Syukuri kemerdekaan yang telah dikecapi, perjuangan bukan mudah ditempuhi, segala keamanan, kebahagiaan dan kemakmuran dinikmati, maka panjatkan doa dan syukur kepada ilahi.

- Ketua Penyuntingan (Nb).



545 penerima dikurniakan anak kunci rumah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan anak-anak kunci rumah Kluster Lugu serta rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dari muka 1

Daripada jumlah 545 penerima itu seramai 489 orang menerima rumah jenis kluster di bawah RPN Lugu, selebihnya menerima rumah jenis teres iaitu 24 orang di bawah RPN Panchor (Mengkubau), 10 orang di bawah RPN Meragang, tiga orang di bawah RPN Tanah Jambu dan 19 orang di bawah STKRJ Kampung Lugu.

Terdahulu, keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Dewan Canselor, UBD dijunjung oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Turut menjunjung keberangkatan tiba Kebawah DYMM; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Mohd. Shah bin Haji Taip, diikuti dengan sembah alu-aluan daripada Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Awang Misle antara lain menyembahkan, penganugerahan anak-anak kunci itu sudah setentunya memberikan sinaran cahaya kehidupan dan tempat berteduh yang lebih selesa kepada para penerima tersebut.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara.

Pada majlis penyempurnaan penganugerahan anak-anak kunci rumah kali ini baginda menumpukan lawatan baginda ke dua buah Institusi Pendidikan Tinggi terdapat di kawasan berkenaan iaitu Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), UBD dan Universiti Teknologi Brunei.

Selesai membuat lawatan di UTB, baginda berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Jerudong / Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B' (Peninjau), Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM meneruskan lawatan baginda ke rumah-rumah penerima anak-anak kunci di bawah RPN Lugu, Mukim Sengkurong iaitu Awang Mohammad Hilmi bin Haji Wasli, Dayang Hajah Adri Alieana binti Haji Mohd Alias, Dayang Mazlina binti Jaludin dan Awang Nordin bin Haji Bakar serta ke rumah beberapa orang penerima yang tidak melepaskan peluang menjunjung keberangkatan baginda.

Pada keluasan 130 meter persegi, setiap unit rumah kluster di kawasan RPN Lugu ini pula mempunyai empat bilik tidur, bilik mandi dan dapur. Secara keseluruhan perumahan di kawasan RPN Lugu ini mempunyai 1,000 unit rumah jenis kluster. Kawasan perumahan ini merupakan satu konsep pembangunan perumahan komprehensif lengkap dengan ruang tanah untuk kemudahan awam di masa hadapan seperti sekolah, masjid, taman dan kawasan rekreasi dan taman permainan.

Sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 di bawah pimpinan Kebawah DYMM, rakyat dan penduduk di negara ini telah dan terus menikmati berbagai-bagai kemudahan antaranya penyediaan perumahan.

Ke muka 4

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima junjung ziarah (kiri), sementara gambar kanan, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Misle bin Haji Abdul Karim dalam sembah alu-aluan pada majlis tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyempurnakan pengurniaan anak-anak kunci rumah Kluster Lugu serta rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah RPN dan STKRJ Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara di Dewan Canselor, UBD.

Dari muka 3

Ini jelas mencerminkan keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk negara ini dan secara langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda khususnya dalam menyediakan perumahan yang berkonsep berdaya tahan dan mampu dimiliki selaras dengan salah satu objektif Rancangan Kemajuan Negara (RKN) untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan rakyat yang tinggi.

Menurut perangkaan terkini Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan hingga ke hari ini lebih 28 ribu buah rumah dan lot tanah di bawah Skim Perumahan Negara (SPN) seluruh negara telah dianugerahkan kepada para penerima yang berkelayakan.

Daripada jumlah berkenaan 18,699 orang adalah pemohon di Daerah Brunei dan Muara; 6,581 orang pemohon di Daerah Belait; 2,695 orang pemohon di Daerah Tutong dan juga 635 orang pemohon di Daerah Temburong.

Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan ketika ini sedang menjalankan penilaian *review* secara menyeluruh mengenai Skim Perumahan Negara (SPN) bagi memastikan ia dapat berdaya tahan dalam memenuhi permohonan yang semakin meningkat dari setahun ke setahun.

Antara strategi jangka panjang berkenaan termasuk penggunaan tanah secara optima bagi meningkatkan bilangan penghasilan rumah, kini dapat dilihat pelbagai perubahan dari segi penyediaan bentuk perumahan umpamanya pembinaan rumah jenis *cluster housing* dan *vertical housing*.

Dengan penyediaan perumahan negara di bawah SPN tersebut menggambarkan bahawa agenda pembangunan perumahan tersebut sentiasa menjadi perhatian Kerajaan Kebawah DYMM dalam usaha bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menyempurnakan pengurniaan anak-anak kunci rumah kepada para penerima (kiri sekali dan kiri).

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (kiri), sementara gambar kanan, kegembiraan jelas terpancar di wajah para penerima yang menerima anak kunci rumah masing-masing pada majlis tersebut.

Keprihatinan Kebawah DYMM terhadap kesejahteraan rakyat

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi bercemar duli ke rumah Ketua Kampung Jerudong / Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B' (Peninjau), Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak (kanan). Manakala gambar kiri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan bergambar kenangan bersama sebuah keluarga penerima.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi bercemar duli ke lebih 10 buah rumah para peserta anak-anak kunci rumah kluster di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lugu jelas memperlihatkan kewibawaan baginda sebagai raja yang prihatin, pengasih dan pemedulian tentang kehidupan rakyat baginda.

Keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu juga memberikan peluang dan kesempatan keemasan kepada para peserta dan penduduk kampung di kawasan RPN tersebut untuk mereka bersua muka secara langsung bersama raja yang dikasihi, seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda dan berangkat bercemar duli ke rumah-rumah mereka.

Terdahulu, Kebawah DYMM berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampung Jerudong / Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B' (Peninjau), Awang Haji Mohammad Rais bin Haji Ishak.

Keberangkatan tiba baginda di rumah Awang Haji Mohammad Rais, bertempat di Kampung Bukit Bunga, Jerudong dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Mohd. Amir Hairil bin Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut; Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan, Kesejahteraan dan Undang-Undang), KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah), KHEDN, Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Baginda seterusnya dijunjung bagi menandatangani Lembaran Kenangan dan kemudiannya berkenan menerima pesambah.

Semasa keberangkatan tersebut, baginda berkenan menyaksikan pameran produk-produk penduduk Kampung Jerudong, antaranya Madu Kelulut Asli, Kraf Tangan Anyaman dan makanan-makanan tradisional.

Pada keluasan 60 kilometer persegi, Kampung Jerudong mempunyai jumlah penduduk seramai 11 ribu orang dan lebih 1,000 buah rumah secara keseluruhan.

Rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam sangat bertuah kerana kesejahteraan dan kepentingan taraf kualiti kehidupan, iaitu dari segi penyediaan perumahan tetap menjadi keutamaan Kerajaan Kebawah DYMM, yang mana ia merupakan pelaksanaan berterusan sejak era pemerintahan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada awal tahun 50-an.

Ini jelas mencerminkan sikap keprihatinan dan pemedulian baginda kepada rakyat dan penduduk di negara ini, secara tidak langsung membuktikan komitmen kerajaan dalam mendukung hasrat dan cita-cita baginda, khususnya dalam menyediakan perumahan, berkonsepkan berdaya tahan dan mapan ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

SEBAHAGIAN penerima dan keluarga tidak melepaskan peluang untuk merakamkan gambar kenangan sempena keberangkatan Kebawah DYMM ke rumah penerima anak-anak kunci di bawah RPN Lugu, Mukim Sengkurong. Sementara gambar bawah kiri, baginda berkenan menerima pesambah ketika berangkat ke kediaman Dayang Hajah Adri Alieana binti Haji Mohd Alias. Manakala gambar bawah kanan, baginda berkenan berbual bersama penerima Dayang Mazlina binti Jaludin dan suami.

Berkenan melawat PAPRSB IHS, UBD

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan lawatan ke Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) (kiri dan kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), Universiti Brunei Darussalam (UBD) berkembang luas dengan menyediakan pelbagai kursus latihan, menjalankan penyelidikan impak tinggi untuk mencapai kualiti tinggi dan diiktiraf secara global bagi mencapai visinya, iaitu untuk menjadi antara institusi sains kesihatan terkemuka di Asia.

PAPRSB IHS, UBD menjadi tumpuan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam setelah berkenan menyempurnakan Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah Kluster Lugu serta Rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara, seterusnya Rumah Teres di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di bangunan tambahan PAPRSB IHS, UBD, dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Haji Ahmad; Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Chin Wei Keh; dan Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Sejurus keberangkatan di Pusat Simulasi, PAPRSB IHS, Kebawah DYMM berkenan membuat lawatan ke Bahagian Pembedahan Perubatan, di mana baginda berkenan menyaksikan demonstrasi kemahiran pengurusan trauma menggunakan *high fidelity manikin* dan pesakit yang disimulasikan.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan beredar ke Bilik Kawalan dan menyaksikan demonstrasi latihan-latihan yang disediakan di bilik kemudahan kawalan dan demonstrasi Moulage.

Dari Bilik Kawalan, Kebawah DYMM kemudian membuat lawatan ke Bilik Pembedahan, di mana baginda berkenan menyaksikan demonstrasi latihan pembedahan yang dilakukan oleh para jururawat, seterusnya ke Bahagian Pediatrik, di mana baginda berkenan menyaksikan demonstrasi penjagaan kejururawatan pediatrik bersama kanak-kanak yang menghadapi serangan asma.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan membuat lawatan ke Bahagian Ibu-Ibu Mengandung (Maternity Bay) dan berkenan menyaksikan demonstrasi latihan bagi bidan-bidan dengan menggunakan senario seorang wanita yang akan melahirkan seorang anak damit.

Setelah itu, baginda disembahkan dengan tiga buah projek penyelidikan, bertajuk 'Germline Mutations OF BRCA1, BRCA2, TP53 and PALB2 Genes in Brunei Breast Cancer Patients' yang disembahkan oleh Dayang Siti Nur Idayu binti Haji Matusin; diikuti dengan projek penyelidikan yang bertajuk 'Internet of Things in Hydroponic Farming' yang disembahkan oleh Dr. Muhammad Saifullah bin Abu Bakar; dan 'Using Living Snail Shells to Biomonitor Marine Acidification' yang disembahkan oleh Dr. David John Marshall.

Semasa membuat lawatan ke Pusat Latihan Antarabangsa American Heart Association (AHA), Kebawah DYMM berkenan menyaksikan latihan Basic Life Support dan demonstrasi Bantuan Pernafasan (Cardiopulmonary Resuscitation - CPR), diikuti dengan lawatan ke Wad Simulasi, di mana baginda berkenan menyaksikan demonstrasi penjagaan pesakit dalam wad.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan beredar ke Makmal Penyelidikan Bioperubatan dan mendengarkan sembah taklimat mengenai projek-projek penyelidikan berterusan juga menyaksikan beberapa demonstrasi pembuatan ubat-ubatan di Makmal Pembuatan Farmaseutikal.

Melalui Jambatan Pejalan Kaki ke bangunan lama PAPRSB IHS, Kebawah DYMM seterusnya berkenan melawat ke Makmal Kemahiran Klinikal, di mana baginda berkenan menyaksikan stesen demonstrasi kemahiran klinikal daripada pelajar-pelajar perubatan UBD, kejururawatan Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Sebelum mengakhiri lawatan, Kebawah DYMM berkenan menerima junjung ziarah daripada para pegawai dan kakitangan juga pelajar-pelajar PAPRSB IHS.

Latihan - latihan yang dikendalikan oleh PAPRSB IHS dikendalikan sepanjang tahun dengan sasaran latihan berkenaan berjaya menghasilkan profesional kesihatan berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan Negara Brunei Darussalam.

PAPRSB IHS juga mencatatkan mercu tanda penting dalam sejarahnya apabila ia diiktiraf dan dikenali sebagai salah satu daripada Pusat Latihan Antarabangsa AHA.

Institut berkenaan boleh melaksanakan kursus-kurus pertolongan cemas yang diiktiraf, termasuk AHA Certified First Aid, BLS, Heart Saver, Advance Cardiac Life Support dan Pediatric Advanced Life Support.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia semasa berkenan mencuba peralatan mikroskop yang digunakan di PAPRSB IHS, UBD (kiri), manakala gambar tengah, Kebawah DYMM berkenan berswafoto bersama mahasiswi UBD, sementara gambar kanan, baginda berkenan mendengar sembah penerangan.

Tinjau UTB - institusi pengajian tinggi bertaraf lima bintang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengadakan lawatan ke salah sebuah institusi pendidikan tinggi, iaitu Universiti Teknologi Brunei (UTB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Perkembangan dan kemajuan pendidikan di negara ini terus mendapat perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaras dengan Wawasan Negara 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Universiti Teknologi Brunei (UTB) merupakan salah sebuah institusi pendidikan tinggi yang turut menjadi tumpuan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Penyempurnaan Penganugerahan Anak-Anak Kunci Rumah Kluster Lugu serta Rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara, seterusnya Rumah Teres di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Fakulti Kejuruteraan, UTB, dijunjung oleh Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin dan Pemangku Naib Canselor UTB, Awang Haji Ady Syarmin bin Haji Md. Taib.

Kebawah DYMM mula-mula berkenan membuat lawatan ke Pusat Ujian Bahan (MTC), yang mana merupakan kemudahan akademik teras Fakulti Kejuruteraan dengan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan ujian bahan untuk industri tempatan secara serentak.

Di samping keupayaan akademiknya, MTC UTB juga menawarkan perkhidmatan perundingan dan perkhidmatan ujian material kepada industri tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Seterusnya, Kebawah DYMM berkenan membuat lawatan ke Makmal Kejuruteraan Mekanikal dan Awam, yang mana makmal tersebut diwujudkan untuk memenuhi keperluan teknologi manusia.

Makmal tersebut melibatkan reka bentuk produk, pembuatan dan pengurusan serta penyelenggaraan loji perindustrian dan dianggap sebagai bidang kejuruteraan teras yang mempelbagaikan visi dan skop para jurutera.

Pendidikan kejuruteraan mekanikal merupakan pendidikan yang serba boleh kerana ia disasarkan untuk inovasi. Oleh itu, program-program adalah direka bentuk dengan nilai-nilai teras berkenaan dan juga menambah asas pendidikan para mahasiswa dengan membolehkan mereka menyumbang ke arah penyelidikan dan pembangunan dalam bidang mekanikal dan yang berkaitan seperti aeroangkasa, pembuatan dan kejuruteraan industri.

Baginda kemudian berkenan membuat lawatan ke Makmal Sains dan Teknologi Inovasi Eco-Marathon, di mana para pelajar membuat rekaan, membangun, membina kenderaan cekap tenaga (*energy-efficient vehicles*) di makmal tersebut.

Dengan adanya makmal berkenaan, ia dapat membantu para pelajar menerapkan pengetahuan kejuruteraan dan kemahiran yang mereka peroleh semasa pengajian mereka dan membangunkan kemahiran hidup yang berharga seperti kerja berpasukan, menyelesaikan masalah, berkomunikasi serta penerapan kreativiti dan inovasi.

Galeri dan Studio Sekolah Reka Bentuk (SDe) turut menjadi perhatian Kebawah DYMM semasa lawatan baginda ke UTB, yang mana SDe merupakan salah sebuah sekolah baharu di universiti berkenaan yang menawarkan dua program Ijazah Sarjana dalam bidang Seni Bina dan Reka Bentuk Produk.

Program tersebut bermula pada Ogos 2018, bertujuan untuk menghasilkan pemikiran kreatif bagi reka bentuk dan proses menggunakan teknologi moden juga penghargaan kepada produk atau bangunan yang ada.

Kebawah DYMM mengakhiri lawatan baginda di UTB dengan membuat lawatan ke Makmal Sains dan Teknologi Makanan, yang mana makmal tersebut merupakan aplikasi prinsip sains dan teknologi untuk menyampaikan produk-produk makanan yang selamat, menarik dan mudah daripada bahan mentah kepada para pengguna.

Program berkenaan menggabungkan prinsip dan konsep dalam bidang fizikal, kimia, biologi dan kejuruteraan juga diterapkan kepada aspek penggubalan dan pembangunan makanan sains dan teknologi.

UTB merupakan salah sebuah institusi pengajian tinggi yang bertaraf lima bintang, berdasarkan sistem penilaian Quacquarelli Symonds (QS) Stars Rating, yang mana UTB memperoleh lima bintang dalam enam daripada tujuh kategori penilaian, iaitu Pengajaran (Teaching), Kebolehpasaran (Employability), Pengantara-bangsaan (Internationalisation), Prasarana (Facilities), Tanggungjawab Kemasyarakatan (Social Responsibility) dan Kerangkuman (Inclusiveness).

Pencapaian ini juga menjadikan UTB sebagai sebuah universiti terunggul di Negara Brunei Darussalam yang mendapat penilaian daripada QS Star.

Secara keseluruhan pada masa ini, UTB mempunyai lebih 1,400 pelajar, di mana 594 pelajar mengikuti Fakulti Kejuruteraan; 288 pelajar dalam Fakulti Perdagangan; 262 dalam Fakulti Pengkomputeraan & Informatik; 71 pelajar Fakulti Gunaan Sains & Matematik; 50 pelajar mengikuti Fakulti Rekabentuk dan 230 pelajar mengikuti Pasca Siswazah.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mencuba salah satu pameran mahasiswa UTB ketika berkenan mengadakan lawatan Galeri dan Studio Sekolah Reka Bentuk (SDe).

KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama para mahasiswa-mahasiswi UTB (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada mahasiswa UTB ketika mengadakan lawatan ke Pusat Ujian Bahan (MTC).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat ke Majlis Santap Petang sempena meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-45 Tahun di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong. Turut berangkat paduka-paduka adinda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.

Majlis Santap Petang anjuran PPDB

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (atas). Manakala gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek Hari Puja Usia. Sementara gambar bawah kiri, DYTM berkenan menerima pesambah yang merupakan sebilah pisau MK2 berserta sarung yang khusus digunakan oleh Pasukan Gerak Khas PPDB sejak tahun 2004.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hari ini mengadakan Majlis Santap Petang sempena meraikan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri Ke-45 Tahun.

Majlis berlangsung di Dewan Bankuet, Mes Pegawai, Ibu Pejabat Polis Gadong di sini.

Berangkat bersama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Turut berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyyah binti Pengiran Haji Bolkiah.

Keberangkatan tiba DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berserta kerabat diraja yang lain dijunjung oleh Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam dan datin serta Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali selaku Pengerusi Mes Pegawai dan datin.

Sejurus keberangkatan tiba, DYTM berkenan menandatangani Lembaran Keberangkatan disusuli dengan sesi bergambar ramai bersama Pengarah-pengarah dan Ahli-ahli Jawatankuasa Komiti Mes Pegawai PPDB.

Pada majlis tersebut, DYTM berkenan memotong kek Hari Puja Usia dan kemudiannya menerima pesambah yang merupakan sebilah pisau MK2 berserta sarung yang khusus digunakan oleh Pasukan Gerak Khas PPDB sejak tahun 2004.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, DYTM dan YTM bersama paduka-paduka adinda berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai polis serta anggota PPDB.

Turut hadir pada majlis tersebut, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A Mohammad dan Setiausaha Tetap Keselamatan dan Penguatkuasaan di JPM, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhamad Sazali bin Pengiran Haji Yakob.

Seluruh anggota PPDB, serta keluarga dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan ucapan Selamat Hari Puja Usia Yang Ke-45 Tahun ke hadapan majlis DYTM dan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, semoga akan sentiasa melimpahkan kurnia kesihatan kepada DYTM berserta kerabat diraja.

Majlis Doa Kesyukuran YSHHB sempena Hari Puja Usia DPMM

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menyertai para jemaah menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) selaku Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-45 Tahun.

Majlis Doa Kesyukuran tersebut berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Bangunan YSHHB, di ibu negara.

Berangkat pada majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke majlis berkenaan ialah Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (DANA); dan Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Bertahlil beramai-ramai, seterusnya bacaan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-45 Tahun.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ketika berangkat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Memperingati Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-45 Tahun (atas kiri dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Acara diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA; Ahli-ahli Jemaah Tadbir YSHHB; Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB; dan Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah DANA.

Turut hadir, para jemputan khas, antaranya adalah sebahagian para penyumbang-penyumbang tetap DANA; para pegawai dan kakitangan YSHHB; juga Guru-guru Sekolah YSHHB.

DANA merupakan pesambah berkekalan dalam bentuk yayasan amal yang disembahkan oleh YSHHB bersempena dan pada Memperingati Pemasyhuran Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah menjadi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota pada 17 Rabiulakhir 1419 bersamaan 10 Ogos 1998.

DANA ditubuhkan pada 4 Jamadilawal 1429H bersamaan 25 Ogos 1998M.

Pelita Brunei

Putera Kebawah DYMM sertai raptai Sambutan Hari Kebangsaan

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menyertai para pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong bagi perbarisan lalu pada raptai Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Februari. - Semangat semakin berkobar ketika negara akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35 dalam masa empat hari akan datang. Begitu juga dengan segala persiapan untuk memeriahkan sambutan itu nanti sedang rancak dilaksanakan.

Dalam memastikan persembahan sempena sambutan itu berjalan lancar dan teratur, latihan bersepadu diteruskan lagi hari ini dengan menggabungkan semua peserta yang menyertai upacara sambutan itu nanti yang mengambil tempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Antara peserta yang mengambil bahagian dalam acara perbarisan lalu tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Duli Yang Teramat Mulia adalah antara pelajar Sekolah Antarabangsa Jerudong yang menyertai kluster pendidikan swasta.

Kira-kira 25 ribu peserta mewakili 148 buah pasukan mengambil bahagian dalam perbarisan lalu yang dibahagikan kepada 15 kluster.

Hadir menyaksikan raptai berkenaan, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin. Raptai penuh akan diadakan Khamis ini bermula jam 8.00 pagi di tempat yang sama.

Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini 'Menjayakan Wawasan Negara' yang antara lain bermatlamat menyemai kepentingan wawasan negara dalam diri setiap penduduk dan sekaligus mencapai Wawasan Brunei 2035.

Yang Di-Pertua MMN terima kunjungan Pengerusi Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia

YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menerima kunjungan Pengerusi Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia, Puan Yang Terutama Valentina Matvienko di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat (atas). Sementara gambar atas kiri, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MMN Brunei Darussalam dan Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia di antara Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman dan Puan Yang Terutama Valentina Matvienko.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Februari. - Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib hari ini menerima kunjungan Pengerusi Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia, Puan Yang Terutama Valentina Matvienko di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Kunjungan tersebut bertujuan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua belah pihak yang dapat dilihat dari lawatan-lawatan yang telah diadakan di kedua-kedua buah negara.

Kunjungan Puan Yang Terutama itu juga merupakan kunjungan timbal balas berikutan kunjungan Yang Di-Pertua MMN ke Persekutuan Rusia pada tahun 2016.

Majlis kunjungan muhibah pada hari ini turut disertai Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Semivolos dan Timbalan Pengerusi Majlis Dewan Undangan Persekutuan Rusia, Wakil Kuasa Eksekutif Republik Dagestan, Tuan Ilyas Umakhanov.

Majlis kunjungan diteruskan dengan Mesyuarat Dua Hala antara kedua-dua belah pihak. PYT disertai oleh rombongannya terdiri dari beberapa ahli Parlimen Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia serta beberapa pegawai dari Majlis Persekutuan tersebut.

Mesyuarat Dua Hala tersebut merupakan satu landasan bagi kedua-dua pihak untuk bertukar-tukar pandangan dalam pelbagai hala selain dari membincangkan isu-isu yang menjadi kepentingan dan keprihatinan bersama.

Mesyuarat tersebut juga mengukuhkan lagi jalinan muhibah antara pihak MMN Brunei Darussalam dan Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia.

Antara perkara-perkara yang dibincangkan di dalam Mesyuarat Dua Hala pagi tadi adalah seperti bidang pendidikan tinggi iaitu pertukaran pelajar dan penempatan kerja dalam memberikan peluang bagi pelajar-pelajar di kedua belah pihak untuk mengambil pengalaman dan memberikan pendedahan kepada mereka. Perkara lain yang disentuh juga adalah mengenai masalah perubahan iklim.

Justeru kerjasama dalam mengurangkan masalah ini adalah diharapkan dan perbincangan dalam mengadakan kerjasama dalam pengurusan bencana alam juga dibangkitkan. Kedua belah pihak juga membincangkan kerjasama dalam bidang lain seperti hubungan kerjasama ekonomi dan perdagangan serta pertanian. Kedua-dua belah pihak mengharapkan kerjasama dan hubungan antara satu sama lain adalah berpanjangan dan berdasarkan kepada kepercayaan dan kefahaman bersama.

Dalam mewujudkan dan mengukuhkan hubungan serta kerjasama tersebut, kedua belah pihak bolehlah menggunakan landasan atau platform pertubuhan dan organisasi antarabangsa.

Hadir sama pada mesyuarat tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja juga Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dan Ahli-ahli Yang Berhormat MMN.

Acara disusuli dengan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara MMN Brunei Darussalam dan Majlis Persekutuan Dewan Undangan Persekutuan Rusia.

Majlis ini merupakan satu peristiwa bersejarah bagi MMN dengan harapan MoU tersebut dapat mengukuhkan lagi hubungan persahabatan antara kedua belah pihak.

Rombongan dari Persekutuan Rusia juga berkesempatan melawat ke Dewan Persidangan MMN iaitu tempat bersidangnya MMN setiap tahun bagi membincangkan perkara utama iaitu Rang Undang-Undang Perbekalan bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan Negara Brunei Darussalam.

PYT dan rombongan berada di negara ini bagi lawatan kerja rasmi selama dua hari pada 18 Februari hingga 19 Februari 2019.

Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DPMM Ke-45

MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (tiga, kanan) selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Ke-45, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

SEBAHAGIAN daripada warga AMBD yang hadir pada majlis tersebut.

SUNGAI AKAR, Selasa, 19 Februari. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Ke-45, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, di sini.

Berita dan foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD; Ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD serta para pegawai dan kakitangan AMBD.

Majlis bermula dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Imam Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Awang Haji Muhd. Sadullah bin Haji Salleh.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD yang berwawasan dan berdedikasi tinggi dalam memastikan kestabilan kewangan dan monetari negara kekal terpelihara.

Melalui kepimpinan Duli Yang Teramat Mulia, AMBD telah merumuskan peraturan-peraturan kewangan dan piawaian-piawaian yang berhemat serta melaksanakan rangka kerja penyeliaan yang selaras dengan piawaian antarabangsa demi memastikan institusi-institusi kewangan di negara ini kekal kukuh dan selamat.

Dalam pada itu AMBD juga memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor kewangan di negara ini dan untuk menjadikannya dinamik dan mempunyai pelbagai jenis perkhidmatan.

Ke arah ini, DYTM telah memandu perancangan kemajuan sektor kewangan yang lebih strategik dan terarah melalui penerbitan Brunei Darussalam Financial Sector Blueprint 2016-2025 demi mendukung pencapaian aspirasi ekonomi seiring dengan Wawasan Brunei 2035.

Berkat kepimpinan dan bimbingan DYTM jua, inisiatif-inisiatif yang telah diungkayahkan oleh AMBD telah berjaya memperolehi pengiktirafan antarabangsa di antaranya Negara Brunei Darussalam telah berjaya menduduki tangga teratas di dunia berbanding 190 buah negara dalam petunjuk Mendapatkan Kredit (Getting Credit indicator) dalam Laporan Bank Dunia Doing Business 2019 dan mengekalkan kedudukan di tempat 10 negara teratas dalam Laporan Thomson Reuters Islamic Finance Development 2018 (ke 9 daripada 131 negara).

Lapan dianugerahkan Biasiswa Trafik Udara

MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof (kiri) menyerahkan Sijil Anugerah Biasiswa Trafik Udara kepada para penerima yang terpilih (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Seramai lapan mahasiswa dan mahasiswi diaugerahkan Biasiswa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjalani latihan sebagai Pegawai Trafik Udara pada majlis yang berlangsung di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil anugerah biasiswa tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof.

Terdahulu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerbangan Awam, Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Abdul Ghani bin Haji Othman antara lain mengongsikan Skim Biasiswa Khas Pegawai Trafik Udara tersebut merupakan jalinan kerjasama antara Jabatan Penerbangan Awam, MTIC bersama Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Menurutnya, skim berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha-usaha yang diambil oleh DCA dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan udara yang selamat dan efisien di Negara Brunei Darussalam.

Majlis diteruskan dengan penyerahan Sijil Anugerah Biasiswa Trafik Udara kepada penerima, diikuti dengan sesi bergambar ramai dan ramah mesra bersama tetamu kehormat.

Para penerima anugerah biasiswa pengambilan kedua ini akan mengikuti dua fasa program latihan selama setahun iaitu enam bulan di Akademi Penerbangan Awam Malaysia (MAVA) dan enam bulan latihan di dalam negeri.

Sebagai langkah untuk memastikan perkhidmatan trafik udara di negara ini adalah sejajar dengan matlamat pengangkutan yang telah dirancang, DCA telah dan sedang giat berusaha menyediakan pegawai pegawai trafik udara yang mencukupi.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap MTIC, Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud dan Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; pengarah-pengarah bahagian; ketua-ketua jabatan dan pihak-pihak berkuasa; pegawai-pegawai kanan MTIC dan jabatan-jabatan di bawahnya; pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan serta ahli keluarga peserta-peserta skim biasiswa yang dijemput.

Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid NBD kutip BND7,908,599.07

Berita dan Foto :
Aimi Sani

MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengutipan Dan Pengeluaran Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Darussalam semasa hadir bagi menerima hasil kutipan sumbangan bagi Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Sambutan dan sumbangan serta penerimaan orang ramai terhadap Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam adalah sangat menggalakkan yang mana sehingga 31 Disember 2018, secara keseluruhannya sebanyak BND7,908,599.07 telah berjaya dikutip dari pelbagai mekanisme.

Hadir dan seterusnya menerima hasil kutipan sumbangan bagi Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengutipan Dan Pengeluaran Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Darussalam.

Terdahulu, sejumlah BND2,500.60 telah disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Haji Rahman bin Haji Jumat hasil sumbangan daripada pegawai dan kakitangan JPM, Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, sebanyak BND69,947.00 telah berjaya dikutip melalui penerimaan sumbangan perkhidmatan pesanan ringkas SMS Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam yang dibukakan selama 45 hari mulai 13 November 2018 sehingga 27 Disember 2018. Penolong Pengurus Am Perkhidmatan Pelanggan DST, DST Communications, Datin Hajah Umi Kaltum binti Haji Mat Daud selaku wakil Ketua Pegawai Eksekutif DST Communications telah menyerahkan sebanyak BND59,100.00 hasil kutipan dari Pelanggan Prima dan Easi dan sebanyak BND10,000 sumbangan daripada Syrikat DST Communications.

Manakala Ketua Pegawai Pentadbiran selaku wakil Ketua Pegawai Eksekutif Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB), Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar telah menyerahkan sebanyak BND10,847 yang berjaya dikutip melalui SMS Progresif Cellular Sdn. Bhd. (PCSB) dan sebanyak BND3,000 sumbangan daripada PCSB.

Majlis tersebut berlangsung di Bilik Musyawarah, Tingkat 4, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Projek pertama yang telah siap dibina menggunakan peruntukan kewangan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam ialah Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut, Daerah Brunei Muara dengan kos pembinaan menelan belanja sebanyak BND3.56 juta.

Manakala projek kedua yang dibiayai melalui peruntukan kewangan Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam ialah Masjid Kampung Bukit Panggal, Daerah Tutong dengan anggaran perbelanjaan sebanyak BND3 juta.

Turut hadir ialah Ketua Hakim Syar'ie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Hakim Mahkamah Rayuan Syar'iah, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin serta Ahli-ahli Jawatankuasa Pengutipan Dan Pengeluaran Tabung Dana Bagi Pembinaan Masjid Negara Darussalam.

Terima kunjungan hormat

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BOLKIAH GARISON, Isnin, 18 Februari. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima satu kunjungan hormat daripada Deputy Commanding General, U.S. Indo-Pacific Command, Amerika Syarikat, Mejar Jeneral John P. 'Pete' Johnson, di sini.

Semasa kunjungan hormat tersebut, kedua-dua belah pihak mengesahkan hubungan mesra yang terjalin di antara kedua-dua negara dan kerjasama yang sangat baik dalam bidang pertahanan dan ketenteraan dua hala.

Kedua-dua belah pihak juga menyuarakan kepuasan hati terhadap kerjasama dua hala yang sedia ada, terutamanya dalam kursus dan latihan yang mengukuhkan interaksi profesional tentera ke tentera juga meningkatkan interoperabiliti di antara satu sama lain.

Kedua-dua Tentera Darat Diraja Brunei dan United States Army Pacific mengambil bahagian dalam latihan dua hala yang pertama sekali, iaitu 'Pahlawan Warrior' pada bulan Ogos tahun lepas.

Mejar Jeneral Johnson juga akan mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud.

MENTERI Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (kanan) semasa menerima satu kunjungan hormat daripada Deputy Commanding General, U.S. Indo-Pacific Command, Amerika Syarikat, Mejar Jeneral John P. 'Pete' Johnson.

Kerjasama pertahanan dan ketenteraan di antara Negara Brunei Darussalam dan Amerika Syarikat telah dimeterai melalui penandatanganan Memorandum Persefahaman dalam kerjasama pertahanan pada 29 November 1994. Kerjasama berkenaan juga diperluaskan ke bidang logistik melalui Acquisitions and Cross-Servicing Agreement pada 29 Julai 2010.

MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar (tengah) semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-45 Tahun.

Hospital PMMPMHAB anjurkan Doa Kesyukuran sempena Puja Usia DPMM

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

TUTONG, Isnin, 18 Februari. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAB), Tutong, mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Ke-45 Tahun, bertempat di Surau As-Salam, hospital berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diimamkan oleh Ketua Guru Agama, Hospital PMMPMHAB, Pengiran Haji Radiman bin Pengiran Haji Tengah, yang kemudiannya mengetuai bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Ke-45 Tahun dan diakhiri dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Othman; Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-pengarah; pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Kesihatan; para pegawai dan kakitangan hospital berkenaan.

Berkata-kata yang membatalkan sembahyang

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MELAKUKAN perkara yang membatalkan sembahyang adalah sebab-sebab yang membawa kepada batal sembahyang seseorang atau rosak sembahyangnya atau sembahyangnya tidak diakui syarak. Disebabkan melakukan perkara-perkara yang membatalkan sembahyang itu, seseorang yang bersembahyang itu belum dianggap bersembahyang serta belum terangkat tanggungan wajib sembahyang ke atasnya dan wajib baginya mengulang sembahyangnya yang batal atau rosak itu.

Sebab-sebab yang membatalkan sembahyang ada tiga :

1. Meninggalkan salah satu syarat-syarat sah sembahyang.
2. Meninggalkan salah satu rukun-rukun sembahyang.
3. Melakukan salah satu daripada perkara-perkara yang ditegah dalam sembahyang. Dan antara perkara yang ditegah itu adalah berkata-kata dalam sembahyang.

Berkata-kata Boleh Membatalkan Sembahyang Berdasarkan Hadis

Berkata-kata dalam sembahyang bermaksud perlafazan perkataan atau kalimah selain daripada ayat-ayat Al-Quran, zikir dan doa ketika sembahyang. Maka jika seseorang melakukan perbuatan berkata-kata secara senghaja sedangkan dia mengetahui tentang tegahan itu, maka batal sembahyangnya. Begitu juga batal sembahyang seseorang yang dipaksa untuk berkata-kata dalam sembahyang kerana perkara seumpama ini (memaksa orang lain berkata-kata dalam sembahyang) jarang-jarang berlaku.

Diriwayatkan daripada Zaid bin Arqam Radiallahuanhu, katanya :

Maksudnya : "*Kami (para sahabat) bercakap-cakap dalam sembahyang pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Seseorang daripada kami yang bercakap-cakap dengan sahabat yang lain mengenai hajatnya, sehinggalah turun (ayat yang tafsirnya) : ((Peliharalah (kerjakan dengan tetap dan sempurna pada waktunya) segala sembahyang fardu)), maka kami diperintahkan untuk diam.*"

(Hadis riwayat Al-Bukhari)

Dalam Kitab Fath al-Bari Syarh Shahih al-Bukhari, Ibnu Hajar al-'Asqalani Rahimahullah ada menjelaskan bahawa (sebelum turunnya ayat di atas) para sahabat dalam sembahyang hanya berkata-kata pada perkara yang dihajati seperti menjawab salam dan yang seumpamanya, tidak berkata-kata mengenai semua perkara.

Hadis dari perawi yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Muslim Rahimahullah. Zaid bin Arqam Radiallahuanhu, berkata :

Maksudnya : "*Kami (para sahabat) bercakap-cakap dalam sembahyang. Seorang lelaki bercakap dengan sahabatnya dan sahabatnya itu berada di sisinya di dalam sembahyang, sehinggalah turun (ayat yang tafsirnya): ((Dan berdirilah kerana Allah (dalam sembahyang kamu) dengan taat dan khusyuk)), maka kami diperintahkan untuk diam dan kami dilarang daripada berkata-kata.*"

(Hadis riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis di atas, para ulama bersepakat bahawa berkata-kata dalam sembahyang bagi orang yang mengetahui tentang pengharamannya dalam sembahyang dan senghaja melakukannya akan membatalkan sembahyangnya.

Dalam sebuah riwayat yang lain, Mu'awiyah bin al-Hakam as-Sulami Radiallahuanhu menceritakan bahawa beliau sedang mendirikan sembahyang bersama Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan pada ketika itu seorang lelaki bersin lantas beliau mendoakannya dengan mengucapkan "يَرْحَمُكَ الله" (ertinya : "Semoga Allah merahmati awak"). Sebaik-baik sahaja mereka selesai sembahyang, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "*Sesungguhnya ini adalah sembahyang. Tidak sesuai ada di dalamnya sesuatu daripada percakapan manusia. (Yang dibenarkan di dalamnya) hanyalah tasbih, takbir dan membaca Al-Quran.*"

(Hadis riwayat Muslim)

Hadis di atas menjelaskan mengenai larangan berkata-kata dalam sembahyang sama ada kerana hajat atau tidak, sama ada kerana maslahah sembahyang atau yang selainnya. Ia juga berupa penjelasan mengenai larangan *tashmit*, yakni mendoakan orang yang bersin dengan berkata :"يَرْحَمُكَ الله" ketika sembahyang kerana ia termasuk dalam maksud percakapan manusia yang diharamkan dalam sembahyang dan batal sembahyang orang yang tahu namun senghaja melakukannya.

Jika seseorang berhajat untuk memberi peringatan seperti makmum mengingatkan imam yang terlupa bacaan, maka makmum hendaklah bertasbih dengan menyebut ucapan سُبْحَانَ الله dengan tujuan zikir atau dengan tujuan zıkir serta pemberitahuan jika makmum itu seorang lelaki. Ataupun menepuk tangan, iaitu dengan menepuk perut tapak tangan kanan ke atas belakang tapak tangan kiri bagi mengingatkan imam yang terlupa bacaan jika makmum itu seorang perempuan.

Berkata-kata Yang Membatalkan Sembahyang

Ulama mazhab Syafi'e mengatakan bahawa sembahyang seseorang menjadi batal dengan percakapan yang dilafazkannya secara senghaja atau kerana dipaksa, sama ada dengan bahasa Arab atau bahasa yang lainnya, yang terdiri daripada dua huruf yang berturutan, sama ada dua perkataan itu difahami atau tidak. Ini kerana pembinaan perkataan itu kebiasaannya adalah sekurang-kurangnya dengan dua huruf. Contoh perkataan bahasa Arab yang terdiri daripada dua huruf, seperti قُمْ (berdiri/bangkit), عَنْ (dari/daripada) dan lain-lain. contoh perkataan bahasa Melayu yang terdiri dari dua huruf pula adalah seperti 'oi' 'oh' atau 'ok'.

Begitu juga batal sembahyang dengan lafaz yang terdiri daripada satu huruf yang dapat memberi faham kepada orang lain dengan hurufnya itu sendiri walaupun lafaz huruf itu bukan bertujuan untuk memahamkan orang lain. Sebagai contoh (ق) bererti 'peliharalah' atau (ع) bererti 'sedarlah' atau (ف) bererti 'tunaikanlah'.

Menyebut satu huruf yang dibunyikan panjang selepasnya seperti(آ) juga membatalkan sembahyang. Ini kerana huruf yang dipanjangkan itu pada hakikatnya adalah dua huruf menurut pendapat yang ashah (yang lebih sahih) walaupun tidak difahami apa yang disebutkan.

Sekiranya seorang berkata-kata dalam sembahyang kerana tidak sengaja atau terlepas cakap tanpa ada apa-apa maksud atau dia lupa dirinya sedang sembahyang atau dia jahil akan tegahan berkata-kata dalam sembahyang kerana baru memeluk Islam atau jahil akan tegahan kerana kedudukannya yang jauh dari ulama umpamanya, maka perbuatannya berkata-kata itu dimaafkan dan tidak batal sembahyangnya. Dengan syarat, percakapan tersebut adalah dalam kadar yang sedikit. Sekiranya kadar kata-kata itu banyak, maka batal sembahyangnya. Ini kerana perbuatan itu dikira memutus susunan dan pergerakan sembahyang.

Kata-kata yang sedikit diukur mengikut kebiasaan suatu tempat. Disebutkan dalam kitab Fath al-'Allam susunan Imam al-Jurdani Rahimahullah, bahawa kata-kata yang sedikit yang tidak membatalkan sembahyang ialah kata-kata yang secara kebiasaannya tidak melebihi enam patah perkataan. Sekiranya dia menyebutnya lebih dari enam patah perkataan maka batal sembahyangnya walaupun tidak sengaja atau terlepas cakap tanpa ada apa-apa maksud atau dia lupa dirinya sedang bersembahyang atau dia jahil akan tegahan berkata-kata dalam sembahyang.

Berkata-kata Dengan Menggunakan Ayat Al-Quran dan Zikir Dalam Sembahyang

Tidak batal sembahyang seseorang yang berkata-kata dalam sembahyangnya dengan menggunakan ayat Al-Quran dan zikir jika ayat Al-Quran atau zikir atau doa itu dilafazkan bertujuan untuk membaca Al-Quran atau membaca zikir atau membaca doa, bukan semata-mata bertujuan untuk memberi pemahaman atau pemberitahuan sahaja.

Jika ayat Al-Quran atau zikir atau doa itu dilafazkan bertujuan untuk membaca Al-Quran atau zikir atau doa dan juga bertujuan untuk memberi pemahaman dan pemberitahuan, maka yang demikian itu tidak membatalkan sembahyangnya. Sebagai contoh makmum memberi peringatan kepada imam dengan lafaz سُبْحَانَ الله ketika imam bangkit untuk raka'at yang kelima umpamanya, atau makmum menyebut kalimah atau ayat al-Quran ketika imam terhenti bacaannya disebabkan lupa kalimah atau ayat Al-Quran tersebut. Sekiranya ayat Al-Quran atau zikir atau doa itu dilafazkan bertujuan untuk memberi pemahaman atau peringatan semata-mata, maka batal sembahyang orang itu.

Zikir atau doa yang harus dilafazkan dalam sembahyang pula adalah berupa zikir atau doa yang disunatkan (ayat-ayat daripada Al-Quran ataupun yang ma'tsur daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam) atau yang tidak disunatkan namun lafaznya hendaklah dalam bahasa Arab.



Selain itu, kata-kata zikir atau doa itu tidak ditujukan kepada selain Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Sekiranya ditujukan kepada selain Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka batal sembahyangnya. Sebagai contoh seorang yang sedang sembahyang mendoakan sahabatnya yang bersin dengan berkata:"يَرْحَمُكَ الله" (ertinya: "*semoga Allah merahmati awak*").

Begitu juga batal sembahyangnya jika zikir dan doa yang dilafazkan itu dengan suatu perkara yang lain. Sebagai contoh seseorang dalam sembahyang berkata: "سُبْحَانَ الله، إِنْ شَاءَ الله"ertinya: "*Maha Suci Allah, dengan izin Allah*") ataupun dia berkata: "اَللّٰهُمَّ اغْفِرْلِي إِنْ أَرَدْتَ" "(ertinya: *"Ya Allah, ampunilah aku jika Engkau mahu"*).

Berkata-kata selain daripada ayat Al-Quran, zikir dan doa dengan senghaja atau dipaksa boleh membatalkan sembahyang sebagaimana penjelasan di atas. Walaupun tidak semua bentuk kata-kata yang dilafazkan itu membatalkan, namun seseorang itu perlu berhati-hati agar tidak melakukan kesilapan yang boleh menyebabkan sembahyangnya terbatal.

'BERKATA-KATA dalam sembahyang bermaksud perlafazan perkataan atau kalimah selain daripada ayat-ayat Al-Quran, zikir dan doa ketika sembahyang. Maka jika seseorang melakukan perbuatan berkata-kata secara senghaja sedangkan dia mengetahui tentang tegahan itu, maka batal sembahyangnya. Begitu juga batal sembahyang seseorang yang dipaksa untuk berkata-kata dalam sembahyang kerana perkara seumpama ini (memaksa orang lain berkata-kata dalam sembahyang) jarang-jarang berlaku.'

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

SYARAT-syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebut harga adalah seperti berikut :

1. TAWARAN hanyalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam. Sebahagian tawaran hendaklah berdaftar dengan Kementerian Pembangunan, menurut kelas-kelas dan kategori-kategori tertentu di Negara Brunei Darussalam sahaja, sepertimana yang dinyatakan di dalam iklan tawaran.

2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat di atas borang-borang tawaran yang tercetak oleh kementerian ini dan penerangan lanjut bagi mengikuti sebut harga bolehlah datang terus ke **Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Blok 'A', Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, BD1517, Negara Brunei Darussalam**.

3. Para penender yang berhasrat untuk ikut serta dalam tawaran ini adalah disaran untuk mendapatkan maklumat, penerangan dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran.

BIL. TAWARAN :
KHEU / BDP/ 164 / 333 / 2018

TAJUK :
REPLACEMENT CARPET AT MEETING ROOM, JABATAN HAL EHWAL SYARI'AH, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TARIKH TUTUP :
RABU, 20 FEBRUARI 2019
2.00 PETANG

KELAS I & II DALAM KATEGORI KPB 16 SAHAJA

YURAN TAWARAN :
(TIDAK DIKENAKAN BAYARAN)

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

1. TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berkelayakan bagi **PEMBERSIHAN HARIAN DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI** bagi tempoh LIMA (5) tahun.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar menggunakan sampul surat yang tertutup ditulis tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong ditujukan kepada dan ditulis dengan :

TAWARAN BAGI PEMBERSIHAN HARIAN DAN PEMELIHARAAN BANGUNAN TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI

Bilangan tawaran : **JPA / APM.2019 - 2020 / 01**
Alamat kepada :
Pengerusi
Lembaga Tawaran Negara
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Bandar Seri Begawan BB 3910
Negara Brunei Darussalam

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara yang beralamat di atas **tidak lewat 25 Februari 2019, Isnin, jam 2.00 Petang**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tarikh akhir mengambil dokumen tawaran ialah pada **21 Februari 2019, jam 3.00 Petang**.

5. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan diadakan pada **Isnin, 25 Februari 2019, jam 9.00 Pagi**. Semua wakil syarikat adalah diminta berkumpul di **Bilik Mesyuarat As-Syura II Bangunan Terminal Penumpang Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei**, pada tarikh dan waktu yang ditetapkan.

6. Dokumen tawaran boleh diperoleh dari Pejabat Penerbangan Awam, Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei semasa hari-hari bekerja, **dengan menghadapkan cagaran BND10,000.00 (Sepuluh Ribu Ringgit Brunei sahaja) berbentuk Banker's Guarantee**.

Bayaran dokumen tawaran sebanyak **BND100.00 (Seratus Ringgit Brunei sahaja) tidak dikembalikan**.

7. Kelayakan : **Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam. Kelas IV dan V dalam Kategori kerja : S02**.

8. Penerangan-penerangan yang lebih lanjut bolehlah didapati dari Pejabat Pengurusan Lapangan Terbang, Kompleks Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, Brunei Darussalam melalui telefon +673 2330142 atau +673 2332337 sambungan 1489, 1459 atau melalui faks : +673 2331772.

9. Pemborong hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, Nombor Kad Pengenalan atau Nombor Pasport Pemilik.

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH BELAIT

PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH, 2005

SAMAN

DALAM
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BELAIT
DALAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KES MAL BILANGAN :
KB / MRS / MAL-B / S011A / 145 / 09-2018

ANTARA

RACHEL EMU DAWAT
@AMEERAH WARDATUL BINTI DAWAT
- Plaintif

DAN

JULIZAN BIN SHAHRIN @RINING
- Defenden

KEPADA :
JULIZAN BIN SHAHRIN @RINING
NO. 11, SIMPANG 359,
KAMPUNG BELINGUS JALAN BATANG DURI
TEMBURONG.

KAMU adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syari'e kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah** di **Daerah Belait** pada **ISNIN pada 27 JAMADILAKHIR 1440H / 4 MAC 2019M**, jam **2.30 Petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, butir-butir tuntutan itu seperti dinyatakan dalam pernyataan tuntutan yang diendorskan di sini.

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan **sila ambil perhatian** bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh : 25 Jamadilawal 1440H /
31 Januari 2019M.

METERAI

Ditandatangani secara digital oleh

ABDUL HADI BIN ALI
PENDAFTAR
MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JABATAN PERSAINGAN DAN HAL EHWAL PENGGUNA
JABATAN PERANCANG DAN KEMAJUAN EKONOMI
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Pelawaan Menjadi Konsultan
bagi Projek ASEAN Competition Business Perception Index (ACBPI)

JABATAN Perancangan dan Kemajuan Ekonomi melalui Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna menjemput penyertaan daripada individu / entiti di Negara Brunei Darussalam untuk menjadi *local consultant* bagi projek *ASEAN Competition Business Perception Index* (ACBPI).

Latar Belakang

Ahli-Ahli Negara ASEAN (AMS) adalah komited ke arah mempromosi persaingan perniagaan yang adil di peringkat serantau dan antarabangsa. *ASEAN Competition Action Plan 2016 - 2025* (ACAP) menyenaraikan hala tuju bagi memperkukuhkan pelaksanaan *Competition Policy and Law* (CPL) di rantau ASEAN. *ASEAN Competition Business Perception Index* (ACBPI) merupakan salah satu inisiatif di bawah ACAP bagi mencapai Matlamat Strategik *"Fostering a Competition-Aware Region"*.

Objektif ACBPI

1. Mengukur tahap kesedaran dan presepsi pihak komuniti perniagaan terhadap sistem atau *environment* persaingan di rantau ASEAN; dan

2. Menjadi bahan rujukan dan bimbingan bagi merancang strategi penguatkuasaan dan advokasi pihak autoriti persaingan di rantau ASEAN ke arah memperkukuhkan pelaksanaan perundangan persaingan masing-masing.

Tempoh Projek

124 hari (4 bulan)

Local Consultant

Projek ACBPI memerlukan penyediaan dan pelaksanaan kaji selidik bagi kegunaan ke semua AMS. *Local consultant* di setiap AMS akan bertanggungjawab dalam mengendalikan kaji selidik di negara masing-masing. *Local consultant* akan bekerjsama dengan konsultan ASEAN dan Jepun.

SkopTugas

1. Mengesahkan senarai responden yang diterima daripada konsultan ASEAN dan Jepun;

2. Menyelaras jadual kajiselidik dengan pihak responden dan mengendali kajian seperti mengedarkan soalan-soalan kajian, melaksanakan *follow-up*, mengutip soalan-soalan kajian yang telah lengkap, melaksanakan kaji selidik lapangan / melalui telefon;

3. Melaksanakan penterjemahan soalan-soalan kajian kepada bahasa kebangsaan AMS (jika perlu);dan

4. *Tabulations* bagi keputusan kajian dan menyediakan laporan mengenai pelaksanaan dan hasil kajian.

Pembayaran

Projek dibiayai di bawah *Program Japan - ASEAN Integration Fund* (JAIF). Yuran konsultan akan bergantung kepada jumlah soalan kaji selidik sebenar yang akan dikendalikan di setiap AMS.

Syarat Kelayakan :

1. Ijazah Sarjana dalam bidang Ekonomi, Undang-undang atau Statistik atau mempunyai pengalaman di dalam bidang kerja kaji selidik;

2. Mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang dan dasar persaingan;

3. Mempunyai pengalaman dalam mentadbir kaji selidik;

4. Mempunyai pengalaman lebih daripada 3 tahun dalam bidang penyelidikan dan kajian;

5. Kemahiran berbahasa Inggeris dan tempatan secara lisan dan bertulis;

6. Kemahiran membuat laporan yang baik adalah perlu;

7. Keupayaan untuk berkomunikasi dengan baik; dan

8. Berpengalaman dalam menggunakan aplikasi pemprosesan data untuk menjadualkan hasil kaji selidik (*to tabulate survey result*).

(Penjawat awam atau pegawai kerajaan tidak layak untuk memohon)

Bagi yang berminat, sila hadapkan kurikulum vitae (CV) yang lengkap kepada alamat atau e-mel berikut **tidak lewat 28 Februari 2019, jam 4.00 Petang** :

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Block 2A, Jalan Ong Sum Ping
Bangunan JPKE
Bandar Seri Begawan, BA1311

Tel. : +673 2233344 sambungan 341 atau 643
Emel : *brunei.competition@jpke.gov.bn*

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

THE following tender is opened for interested participants.

TO DEVELOP AND OPERATE A FOOD AND BEVERAGE OUTLET AT MEZZANINE LEVEL, TRANSIT HALL OF BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Reference:
DCA / MKG / 2019 / T1

Document can be purchased at :
Finance Section
Ground Floor
Department Of Civil Aviation
Brunei Darussalam

Note :
- Open Monday to Thursday and Saturday.
- 8.30 AM until 11.00 AM and 2.00 PM until 3.00 PM.
- Proponents must wear appropriate attire.
- Proponents must bring along valid IC or passport.

Document fee :
BND30.00 only
(Non-Returnable)

Opening Date :
Wednesday, 13th February 2019
Information day :
Tuesday, 5th March 2019
Closing date :
Tuesday, 19th March 2019, 2.00 PM

Submission to :
Chairman of Mini Tender Board
Ministry of Transport and Infocommunications
Negara Brunei Darussalam
(LTK Box at MTIC Building)

2. Participants must submit all documents required that are stated in this tender document.
3. Participants must comply with all regulations, terms and conditions stipulated in this tender document.
4.Tenders should be submitted by in a plain sealed envelope, bearing no indication of the name or logo of the tenderer, marked :

Name :
TO DEVELOP AND OPERATE A FOOD AND BEVERAGE OUTLET AT MEZZANINE LEVEL, TRANSIT HALL OF BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Reference :
DCA / MKG / 2019 / T1

Closing date :
Tuesday, 19th March 2019
2.00 PM

Address:
Chairman of Mini Tender Board
Ministry of Transport and Infocommunications
Negara Brunei Darussalam

JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

THE following tender is opened for interested participants.

TO DEVELOP AND OPERATE A CAFE OUTLET AT MEZZANINE LEVEL, TRANSIT HALL OF BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Reference:
DCA / MKG / 2019 / T2

Document can be purchased at :
Finance Section
Ground Floor
Department Of Civil Aviation
Brunei Darussalam

Note :
- Open Monday to Thursday and Saturday.
- 8.30 AM until 11.00 AM and 2.00 PM until 3.00 PM.
- Proponents must wear appropriate attire.
- Proponents must bring along valid IC or passport.

Document fee :
BND30.00 only
(Non-Returnable)

Opening Date :
Wednesday, 13th February 2019
Information day :
Tuesday, 5th March 2019
Closing date :
Tuesday, 19th March 2019, 2.00 PM

Submission to :
Chairman of Mini Tender Board
Ministry of Transport and Infocommunications
Negara Brunei Darussalam
(LTK Box at MTIC Building)

2. Participants must submit all documents required that are stated in this tender document.
3. Participants must comply with all regulations, terms and conditions stipulated in this tender document.
4.Tenders should be submitted by in a plain sealed envelope, bearing no indication of the name or logo of the tenderer, marked :

Name :
TO DEVELOP AND OPERATE A CAFE OUTLET AT MEZZANINE LEVEL, TRANSIT HALL OF BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT

Reference :
DCA / MKG / 2019 / T2

Closing date :
Tuesday, 19th March 2019
2.00 PM

Address:
Chairman of Mini Tender Board
Ministry of Transport and Infocommunications
Negara Brunei Darussalam

JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

IKLAN
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN
PENGAMBILAN
JAWATAN-JAWATAN BERKONTRAK

BILANGAN IKLAN : 01 / 2019

JAWATAN :
SPORTS SCIENTIST (EXERCISE PHYSIOLOGY)
GAJI : BND2,630.00 SEBULAN
JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

SYARAT-SYARAT AM :

A. MESTILAH terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

B. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat lstiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

C. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN MINIMUM :

1. Mempunyai ljazah Sarjana Muda dalam bidang Exercise Physiology / Sports Science atau yang sebanding dengannya dalam bidang yang bersesuaian.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

* Ujian kecergasan terhadap atlet untuk membina profil fisiologi yang tepat.
* Membantu jurulatih untuk membangunkan program latihan kecergasan yang bersesuaian.
* Memantau dan menilai semula pelan latihan secara teratur.
* Berhubung dengan kakitangan kejurulatihan untuk memaksimumkan kesan latihan.
* Mendidik dan menasihati atlet dan jurulatih seperti pemantauan kadar jantung (*heart rate*), teknik pemulihan (*recover techniques*), strategi penghidratan (*hydration strategies*), latihan berlebihan (*overtraining*) dan penyesuaian diri (*acclimatisation*).
* Menyediakan maklumat fisiologi sebagai *benchmark* bagi membolehkan pembangunan atlet untuk masa jangka panjang.
* Bekerjasama dengan pakar profesional sukan dan eksesais seperti ahli fisioterapi, ahli diet, jurulatih '*Strength and Conditioning*' dan psikologi sukan.
* Menggunakan sumber pakar dan peralatan yang terdapat di Human Performance Lab.
* Menghasilkan laporan dan kajian yang berpanjangan.
* Sentiasa mengemaskini mengenai penyelidikan secara berterusan.
* Meningkatkan kesedaran tentang isu-isu kesihatan dan kecergasan dan mempromosikan manfaat sukan dan eksesais.
* Mengajar kursus dari segi akademik sukan.
* Bersedia untuk membuat sebarang perkerjaan apabila diarahkan untuk bertugas.

JAWATAN :
TENAGA PENGAJAR AL-QURAN BELIA
GAJI : BND1,990.00 SEBULAN
JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

SYARAT-SYARAT AM :

A. MESTILAH terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

B. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat lstiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

C. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN MINIMUM :

1. a). Diploma Perguruan Ugama atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau dalam bidang bersesuaian

ATAU

b). Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan dalam bidang Pengajian Islam khususnya dalam pengajaran mata pelajaran Al-Quran dan Ugama. Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah merupakan satu kelebihan.

2. Mempunyai pengalaman menjadi Guru Al-Quran dan mata pelajaran ugama atau sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah atau mana-mana institusi adalah satu keutamaan.
3. Mempunyai keupayaan dan kebolehan dalam memimpin dan mengajar dikir, tausyeh, nasyid dan sebagainya adalah satu keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

* Menyusun, menyelaras dan melaksanakan program dan aktiviti yang berkaitan dengan pengukuhan nilai-nilai murni ugama islam kepada belia melalui aktiviti dan kegiatan belia.
* Menyusun, menyelaras dan melaksanakan kelas-kelas Al-Quran untuk belia
* Membantu dalam pelaksanaan aktiviti dan kegiatan keugamaan Jabatan.
* Menerima arahan dari Ketua Jabatan / Ketua Bahagian dari masa ke semasa.

JAWATAN :
PEMBANTU JURUPULIH ANGGOTA
GAJI : BND650.00 SEBULAN
JABATAN / KEMENTERIAN :
JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

SYARAT-SYARAT AM :

A. MESTILAH terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

B. Mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat lstiadat Negara; Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

C. Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN MINIMUM :

Lulus dengan kepujian / kredit dalam 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding termasuk salah satu daripada mata pelajaran Sains atau Bahasa lnggeris.

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Membantu Ketua dalam haI-hal berikut :
   i) Memberikan bantuan rawatan pulih anggota kepada pesakit dan atlet.
   ii) Memberikan khidmat rawatan pemulihan dan pencegahan kecederaan anggota kepada pesakit dan atlet.
   iii) Memberikan bantuan *medical coverage* apabila diperlukan.
   iv) Menjalankan ujian kesihatan dan ketahanan fizikal apabila diperlukan.
   v) Mengawal dan menyusun daftar inventori semua peralatan pemulihan termasuk menyediakan laporan.
   vi) Sentiasa mempastikan kebersihan dan keselamatan kawasan rawatan.
   vii) Menyusun dan memastikan keadaan semua perkakas dan peralatan perubatan teratur.
2. Terlibat sebagai Jawatankuasa dalam aktiviti-aktiviti jabatan.
3. Menerima arahan dari pegawai atasan.
4. Bersedia bertugas di luar waktu pejabat dan hari-hari kelepasan awam termasuk hari Jumaat dan Ahad.

CARA MEMOHON (MENGHADAPKAN DAN PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN)

Bagi pemohon yang berminat dan memenuhi syarat kelayakan, dikehendaki mengisi borang SPA 1 dan menyertakan salinan-salinan surat beranak, Kad Pengenalan Pintar, surat-surat Akuan dan sijil-sijil berkenaan dan dihantar ke alamat berikut :

Tingkat 4
Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Jabatan Belia dan Sukan Bangunan
Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan
Bandar Seri Begawan BA1210
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup iklan : **13 Mac 2019**

MAKLUMAT TAMBAHAN

Tempoh kontrak adalah selama satu (1) tahun atau dua (2) tahun dan boleh disambung tertakluk pada terma dan syarat yang telah ditetapkan.

Segala elaun dan kemudahan lain termasuk kemudahan perumahan atau tempat tinggal tidak akan diberikan.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN :
MINDEF / DFA / RC / 02 (9)
THE MAINTENANCE, INSPECTION, SUPPLY AND DELIVERY OF FIRE EXTINGUISHERS FOR THE ROYAL BRUNEI FORCES - FIVE (5) YEARS CONTRACT

BAYARAN TAWARAN :
BND100.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)

TAWARAN NO. 2 :
MINDEF / DFA / RC / 259 (1)
SUPPLY & SERVICES FOR DISPOSAL OF OILY WASTES AND WASTE WATER FROM NAVAL VESSELS AND WORKSHOPS OF THE ROYAL BRUNEI NAVY (RBN) - THREE (3) YEARS CONTRACT

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - TENDER FEE
(tidak dikembalikan)

NOTA :
- *Information day* **bersama pembekal akan dimaklumkan kemudian.**

TARIKH MULA MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN :
21 JANUARI 2019

TARIKH TUTUP TAWARAN :
SELASA, 26 FEBRUARI 2019
(jam 2.00 Petang)

SYARAT SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat pada tarikh-tarikh dan waktu seperti yang dinyatakan di atas.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison semasa hari-hari bekerja (Isnin dan Rabu) bermula seperti tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas.

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :
Isnin dan **Rabu**
8.00 Pagi hingga **11.30 Pagi**
2.00 Petang hingga **3.00 Petang**

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

Para penender yang berhasrat untuk menyertai tawaran ini adalah disarankan untuk mendapatkan maklumat dan syarat penuh di tempat mengambil dokumen tawaran. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya juga boleh dilihat melalui laman sesawang : *http://www.mindef.gov.bn*

KEMENTERIAN KESIHATAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja, mulai **Rabu, 30 Januari 2019.** Sila layari laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn.*

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Peti Tawaran, Tingkat Bawah
Kementerian Kesihatan
Commonwealth Drive
Bandar Seri Begawan, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

3. Yuran tawaran (*tender fee*) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Perolehan, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

4. Mana-mana pemborong yang berhasrat untuk menyertai tawaran-tawaran yang diiklankan di bawah Kementerian Kesihatan disarankan untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai persyaratan-persyaratan tawaran di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan *www.moh.gov.bn.*

TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 491 / 2018 / 2019
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND10.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 492 / 2018 / 2019
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND30.00

BILANGAN TAWARAN :
PHARM / 493 / 2018 / 2019
KETERANGAN :
THE SUPPLY AND DELIVERY OF MEDICINES FOR THE DEPARTMENT OF PHARMACEUTICAL SERVICES FOR MINISTRY OF HEALTH
YURAN TAWARAN :
BND10.00

TARIKH TUTUP :
26 FEBRUARI 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

IKLAN *WEBSITE* PADA
30 JANUARI 2019

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0001 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PEMBUANGAN DAN PENGANGKUTAN SAMPAH SECARA BULANAN DARI BULAN MAC 2019 HINGGA FEBRUARI 2020 BAGI JABATAN PERIKANAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0002 / 2019

TAJUK SEBUT HARGA :
DAILY CLEANING SERVICES AT DEPARTMENT OF FISHERIES FOR THE MONTHS OF MARCH 2019 UNTIL FEBRUARY 2020

1. SEBUT HARGA hendaklah dialamatkan dan dimasukkan kepada :

Peti Sebut Harga
Jabatan Perikanan
Di Bangunan Jabatan Perikanan
Simpang 287-53
Jalan Peranginan Pantai Serasa
Muara, BT1728

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut Harga hendaklah dihantar tidak lewat pada **Isnin, 25 Februari 2019, jam 2.00 Petang**. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Sebut Harga hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal / pemborong, ditulis atas sebelah kiri sampul surat.

4. Untuk penerangan lanjut dan bagi mendapatkan dokuman sebut harga, pemohon-pemohon boleh menghubungi Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam di talian +673 2770068, dan pembayaran dokumen sebut harga di Tingkat Bawah, Seksyen Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perikanan, Simpang 287-53, Jalan Peranginan Pantai Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam pada hari-hari bekerja :

Isnin hingga **Khamis** dan **Sabtu**
8.00 Pagi hingga **11.00 Pagi**
1.30 Petang hingga **3.00 Petang**

5. Yuran sebanyak **BND5.00** bagi satu tajuk sebut harga adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : IV & V SAHAJA KATEGORI : KA01 SAHAJA - KOD BAHARU

TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA :
26 FEBRUARI 2019 (SELASA)

TARIKH TUTUP :
12 MAC 2019 (SELASA)
JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DTS / 05 / BKTKS / 2019 - T / IV

NAMA PROJEK :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH CERUN DI TANGKI AIR KG. BATONG
NO. PROJEK :
JKR / BKTKS / BM 1814

YURAN TAWARAN : BND100.00

(TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E -DOKUMEN : -

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain dari alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran dan syarat-syarat bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait (Bilangan Tawaran yang dimulai dengan huruf JKR/DBSKB...) bolehlah dilihat dan diperoleh dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN

JEMPUTAN UNTUK MEMBERI TAWARAN

BILANGAN TAWARAN :
JPE / LTK / PSP / 003 / 2019

TAJUK :
PENGUKUHAN SISTEM RANGKAIAN 11KV BAGI KAWASAN BADAS

HARGA DOKUMEN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

TARIKH TUTUP :
19 Mac 2019 / Selasa
(jam 2.00 Petang)

KELAYAKAN :
KELAS III, IV ATAU V,
KATEGORI E02 DAN E03

TEMPAT TUTUP :
'PETI TAWARAN'
PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL

BASEMENT 2 (B2)
KEMENTERIAN TENAGA
(TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)
DAN PERINDUSTRIAN
KOMPLEKS BANGUNAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARISSALAM.

DOKUMEN-dokumen tawaran dan penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Airport Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

PERHATIAN :
Sila sertakan 'BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 & 17' dan Sijil Pendaftaran Pemborong (MOD) dengan kelas dan kategori tersebut semasa mengambil dokumen ini di Kaunter Unit Tawaran, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Diterbitkan oleh
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

InfoDeptBN
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam
infodept.bn
infodept_bn

Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia DPMM

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (tiga, kanan) dan Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Hairol Arni bin Haji Abdul Majid (dua, kanan) antara yang hadir pada Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM Ke-45 Tahun yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Februari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya petang tadi mengendalikan Majlis Doa Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di JPM Ke-45 Tahun.

Majlis yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen, Kompleks Bangunan JPM, dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Haji Hairol Arni bin Haji Abdul Majid.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri di JPM; Hakim Mahkamah Rayuan Syariah; Timbalan Mufti Kerajaan; Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; ketua-ketua jabatan serta pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil beramai-ramai dan diselajurkan dengan Bacaan Doa Khas Sempena Ulang Tahun Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Anuar bin Haji Salim.

Majlis kemudiannya disudahi dengan Sembahyang Fardu Asar berjemaah.

Majlis Doa Kesyukuran ini diadakan bersempena Ulang Tahun Hari Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Yang Ke-45 Tahun sebagai tanda merafakkan syukur dan seterusnya memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar melimpahkan kurnia kesihatan kepada DYTM dan kerabat diraja.

Jemaah umrah negara tidak terjejas insiden kebakaran

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Selasa, 19 Februari. - Berikutan insiden kebakaran bangunan di Mekah, Arab Saudi pada Ahad, 17 Februari 2019, kira-kira jam 11.40 pagi waktu tempatan.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Urusan Haji memaklumkan bahawa kesemua Jemaah Umrah Negara Brunei Darussalam yang berada di Mekah, Arab Saudi berada dalam keadaan selamat dan tidak terjejas oleh insiden berkenaan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan keterangan atau rujukan mengenai apa jua maklumat yang diperlukan bolehlah berhubung terus ke Jabatan Urusan Haji, Tingkat 2, Bangunan Tambahan KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas, Negara Brunei Darussalam atau menghubungi di talian +673 2382525 sambungan 208/280/282 pada waktu pejabat.

Marilah kita sama-sama berdoa semoga kesemua Jemaah Umrah Negara Brunei Darussalam yang berada di Tanah Suci sentiasa dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dan dijauhi dari segala perkara yang tidak diingini.

Lawatan beri momentum perbaharui perkongsian dua hala, serantau

Analisis

Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini

BARU-BARU ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap dan seterusnya mengadakan Majlis Perjumpaan Dua Hala, Perdana Menteri Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Dr. Thoungloun Sisoulith di Istana Nurul Iman.

Kedua-dua pemimpin bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu kerjasama dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama. Pada Majlis Perjumpaan Dua Hala tersebut juga, satu Majlis Penandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Republik Demokratik Rakyat Lao diadakan iaitu MoU dalam bidang pendidikan.

Pada Majlis Santap Rasmi bagi meraikan Tuan Yang Terutama Dr. Thoughloun Sisoulith, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bertitah, lawatan TYT adalah bermakna dalam mengukuhkan lagi hubungan bernilai antara kedua buah negara di mana pada tahun ini, hubungan diplomatik ini akan meraikan tahun ke-25 sejak ia dijalinkan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia melahirkan harapan untuk terus bekerja rapat bersama TYT dalam menerokai peluang yang akan membawa manfaat serta kemakmuran bersama dalam usaha untuk mencapai wawasan negara masing-masing.

Kebawah DYMM bertitah lawatan TYT memberi momentum yang diperbaharui bagi perkongsian dua hala dan serantau serta memberi jaminan akan komitmen negara ini untuk membina hubungan bernilai ini yang telah dinikmati sejak 25 tahun lalu.

Baginda juga bertitah, gembira melihat sektor awam dan swasta kedua buah negara aktif mencari cara untuk meningkatkan kerjasama ekonomi. Dalam hal ini, baginda mengalu-alukan penandatangan Memorandum Persefahaman (MoU) antara National Chambers of Commerce kedua-dua pihak. Baginda yakin MoU ini akan menggalakkan pertukaran dan persefahaman di antara mereka terutama dalam perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Oleh itu, adalah penting titah baginda, bagi memupuk perusahaan ini untuk menembusi pasaran serantau dan global, dan berfungsi sebagai enjin pertumbuhan ekonomi kedua buah negara.

Satu lagi ciri penting dalam hubungan dua hala kedua buah negara ini titah baginda, ialah ikatan rakyat dengan rakyat. Baginda melahirkan rasa gembira melihat para pelajar dari Republik Demokratik Rakyat Lao menjalani pengajian di bawah Biasiswa Kerajaan Brunei Darussalam. Baginda berharap ini akan membantu dalam mengukuhkan pembangunan kapasiti manusia negera berkenaan.

Mengenai penandatanganan MoU dalam bidang pendidikan pula, baginda gembira MoU ini ditandatangani yang akan memberi laluan bagi pertukaran akademik dan meningkatkan kerjasama dalam bidang ini.

Baginda juga bertitah mengenai aspirasi luar biasa Republik Demokratik Rakyat Lao dan usaha untuk mewujudkan penghubungan darat, yang bukan sahaja meningkatkan kesalinghubungan, tetapi juga mewujudkan peluang dalam meningkatkan kehidupan rakyat dan pembangunan ekonomi negara berkenaan. Baginda bertitah berharap TYT akan mencapai setiap kejayaan dalam usaha ini, dan yakin negara tersebut akan terus mencapai kemajuan pada tahun-tahun akan datang.

Di peringkat serantau, kedua buah negara adalah rakan rapat dalam ASEAN. Dengan ASEAN menandakan ulang tahun ke-20 pada tahun ini, adalah penting, titah baginda, bagi kedua buah negara mengukuhkan komitmen kepada rantau ini, terutama dalam menghadapi cabaran global. Adalah penting untuk bekerja rapat dengan negara-negara ASEAN lain bagi membina komuniti ASEAN yang kukuh dan bersatu yang akan mewujudkan lebih peluang bagi rakyat dan mempersiapkan mereka dengan baik untuk masa hadapan.

Negara Brunei Darussalam dan Republik Demokratik Rakyat Lao menikmati hubungan dua hala yang mesra, erat dan harmoni. Dengan Majlis Perjumpaan Dua Hala ini, adalah dihasratkan hubungan ini akan terus berkembang dan bertambah kukuh terutama dalam usaha untuk mencapai wawasan negara masing-masing.

BAGINDA juga bertitah mengenai aspirasi luar biasa Republik Demokratik Rakyat Lao dan usaha untuk mewujudkan penghubungan darat, yang bukan sahaja meningkatkan kesalinghubungan, tetapi juga mewujudkan peluang dalam meningkatkan kehidupan rakyat dan pembangunan ekonomi negara berkenaan. Baginda bertitah berharap TYT akan mencapai setiap kejayaan dalam usaha ini, dan yakin negara tersebut akan terus mencapai kemajuan pada tahun-tahun akan datang.

Majlis Kesyukuran Sambutan Hari Kebangsaan 22 Februari

Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Magrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun 1440H / 2019M akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah

Daerah Brunei dan Muara

- Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.
- Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.
- Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri.
- Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.
- Masjid Mohammad Bolkiah, Kampung Serusop.
- Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong.
- Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.
- Masjid Setia Ali, Pekan Muara.
- Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Daerah Belait

- Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.
- Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait.
- Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Daerah Temburong

- Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

Daerah Tutong

- Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

35

منجايا كن واوسن نكارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 Februari 2019

Pada petang Jumaat Malam Sabtu, 7 Jamadilakhir 1440H bersamaan 22 Februari 2019M mulai jam 5.45 Petang

Raptai Hari Kebangsaan Ke-35 Tahun giat dijalankan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun, 2019 hadir menyaksikan raptai Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Februari. - Hanya tinggal lima hari sahaja lagi negara akan meraikan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35 Tahun dengan Upacara Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan yang akan diadakan penuh gilang-gemilang di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien pada 23 Februari ini.

Latihan-latihan bagi acara persembahan padang dan perbarisan lalu telah pun giat dilaksanakan sejak awal bulan Februari lalu yang diadakan di sekolah-sekolah dan kompleks-kompleks sukan termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Sehubungan itu, bagi memastikan kelancaran latihan tersebut, ibu negara sekali lagi menyaksikan kesibukan persiapan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam dengan raptai yang pertama hari ini bermula jam 8.00 pagi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Hadir menyaksikan raptai tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Tahun, 2019.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Datin Paduka Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35, Tahun 2019.

Sebahagian besar kawasan menuju ibu negara sesak disebabkan oleh kenderaan pengangkutan yang membawa peserta menyertai raptai penuh berkenaan.

Manakala beberapa jalan raya menuju ke Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien juga ditutup sementara dan dikawal selia oleh anggota-anggota dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Sambutan tahun ini dianggarkan melibatkan lebih 24,295 peserta perbarisan lalu manakala acara persembahan padang pula akan melibatkan anggaran lebih 9 ribu peserta.

Latihan seterusnya akan diadakan esok, 19 Februari manakala Latihan Penuh dijangka akan berlangsung pada 21 Februari ini.

Sehubungan itu, orang ramai khususnya mereka yang terlibat semasa acara latihan ini disaran supaya akan dapat meletakkan kereta ditempat yang bersesuaian dan tidak mengganggu kelancaran perjalanan pengguna lainnya.

SUASANA semasa latihan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-35 Tahun.

Penerima anak kunci lahir rasa syukur

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

TUNGKU LINK, Isnin, 18 Februari. - Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bercemar duli melawat ke rumah para peserta yang menerima anak-anak kunci rumah Kluster Lugu serta rumah Teres Panchor (Mengkubau), Meragang dan Tanah Jambu di bawah Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampung Lugu bagi Daerah Brunei dan Muara jelas memperlihatkan kewibawaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai raja yang prihatin, pengasih serta pemedulian tentang kehidupan rakyat baginda.

Keprihatinan Kebawah DYMM itu juga memberikan peluang serta kesempatan para peserta dan penduduk kampung di kawasan berkenaan bersua muka secara langsung dengan raja yang dikasihi dan seterusnya menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda, berangkat bercemar duli ke rumah-rumah mereka.

Dalam kesempatan ini, semasa Pelita Brunei menemu bual beberapa penerima kurnia rumah berkenaan, rata-rata mereka melahirkan rasa bersyukur atas penganugerahan rumah tersebut yang dianggap sebagai pelengkap dalam memiliki kediaman sendiri.

Awang Mohammad Hilmi bin Haji Wasli, penerima anak-anak kunci rumah Kluster di bawah RPN Lugu, Mukim Sengkurong, melahirkan rasa syukur atas penganugerahan rumah berkenaan.

Beliau menjelaskan, memohon pada tahun 2008 dan seterusnya menunggu mengikut peringkat dan mengemas kini data dari semasa ke semasa.

Pada tahun 2017 katanya, permohonan beliau telah diperkenankan dan pada masa itu perasaan gembira dan beruntung kerana tidak disangka-sangka dalam umur beliau yang masih muda, beliau mampu memiliki sebuah rumah.

Sementara itu, Dayang Hajah Adri Alieana binti Haji Mohd. Alias, juga penerima rumah Kluster di bawah RPN Lugu juga melahirkan rasa gembira dan menyembahkan ucapan menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda atas pengurniaan rumah kepada beliau dan ahli keluarganya setelah menunggu selama 10 tahun dari tahun 2007 untuk mendapatkan rumah sendiri.

Beliau melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberikan penganugerahan rumah tersebut.

Menurutnya, rumah yang didiami itu sangat selesa dan dapat menampung mereka sekeluarga dan melengkapkan kehidupan mereka sekeluarga untuk dapat menjalankan kehidupan seharian mereka.

AWANG Mohamad Husaif bin Haji Abdullah, 35 tahun semasa ditemu bual.

Manakala bagi Awang Mohamad Husaif bin Haji Abdullah, 35, menjelaskan, beliau memohon perumahan di bawah RPN sekitar tahun 2005 dan tempoh menunggu anggaran 12 tahun.

Sebelum ini jelasnya, beliau sekeluarga tinggal di rumah kedua ibu bapa beliau di Kampung Lambak.

"Alhamdulillah permohonan rumah saya telah diperkenankan pada tahun 2017," ujar Awang Mohamad Husaif melahirkan rasa syukur.

"Saya juga ingin menyembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas perkenan baginda atas pengurniaan rumah Kluster di bawah RPN Lugu.

Saya sangat gembira memiliki rumah sendiri kerana dapat menjalankan kehidupan berkeluarga dengan lebih berdikari dan rasa tanggungjawab terhadap keluarga saya," ujarnya.

Apa Pendapat Biskita?

Baik buruk 'supplement' dalam pengambilannya

PENGAMBILAN makanan suplemen seperti pil-pil vitamin semakin popular di kalangan masyarakat dewasa ini. Sebenarnya, ada golongan tertentu yang memang memerlukannya. Akan tetapi, pengambilan tanpa rujukan pakar kesihatan mungkin membawa risiko kesihatan tertentu namun masih ada golongan tertentu yang memang memerlukannya. Obses terhadap makanan tambahan atau suplemen tanpa mengetahui maksud dan fungsi sebenarnya untuk tubuh badan haya akan membawa keburukan berbanding kebaikan yang cuba dicari.

Walaupun suplemen sama ada luar negara atau produk tempatan kian tumbuh bak cendawan dan menjadikan pilihan banyak untuk pengguna, persoalannya adakah semua suplemen itu selamat atau memudaratkan?

"Individu yang sihat dan tiada sebarang masalah kesihatan tidak perlu mengambil makanan tambahan kesihatan (suplemen), bahkan individu yang sihat jangan sesekali mengambil makanan tambahan itu untuk penjagaan kesihatan berdasarkan diagnosis sendiri semata-mata tanpa mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar terlebih dahulu." **- Charlies Ang.**

"Pengambilan makanan tambahan yang berlebihan sememangnya tidak memudaratkan kesihatan dalam tempoh jangka pendek, namun dikhuatiri boleh merosakkan organ dalaman bagi jangka panjang, seperti contoh pengambilan vitamin larut lemak seperti A,D,E,K yang berlebihan akan memberikan kesan kepada hati. Sungguhpun vitamin-vitamin ini diperlukan oleh tubuh, ia sebenarnya boleh didapati dengan mudah dan mencukupi daripada makanan semula jadi dimakan. Kerana sekiranya kita terlalu berlebihan mengambil vitamin tambahan ini, ia akan terkumpul di hati yang lama-kelamaan akan menjadi toksin sehingga menjejaskan fungsi hati." **- Razimah Md. Abdul Hamid, Sungai Akar.**

"Sebenarnya suplemen berfungsi untuk mengimbangi diet yang tidak mencukupi, meningkatkan imuniti dan juga meningkatkan kecergasan tubuh badan. Selain itu, suplemen juga boleh membantu meningkatkan stamina dan melindungi sistem badan dari jangkitan penyakit, tetapi sesetengah suplemen boleh menyebabkan risiko pendarahan sekiranya diambil sebelum atau selepas pembedahan dan juga memberikan kesan terhadap tindak balas tubuh kepada ubat bius ini disebabkan kebanyakan suplemen mempunyai bahan aktif yang boleh memberi kesan terhadap tubuh badan terutamanya jika makanan tambahan diambil bersama ubat-ubatan yang lain." - **Azahari Haji Rahman, BSB.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Makan gaji vs Kerja sendiri.
ii. Patriotisme generasi muda perlu dijiwai

Kenali Bahasa Brunei

lagau bermaksud arahan untuk memanggil atau menjemput seseorang.
Contoh pemakaian kata: agatah **lagau** bungsunya ka mari, kan barunding kitani;
barapa urang kan kitani lagau makan aul ani?

langau bermaksud lalat besar berwarna hijau yang berdengung-dengung bunyinya dan suka hinggap pada benda-benda yang berbau dan kotor.
Contoh pemakaian kata: jangan biarkan mangkanan atu layah-layah, karang inggap **langau**.

langis bermaksud
1 bersih tentang cucian, sapuan, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata: parasahanku **langis** udah lantai atu kusapu, ada tia lagi uras ah.

2 tidak ada yang tinggal lagi tentang makanan, duit, dan lain-lain.
Contoh pemakaian kata: nyaman masakan bu ajah atu, **langis** kana makan.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kampung Selera Kitani

KAMPUNG SUKANG

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Sambal Umbut Luba

BAHAN-BAHANNYA :

Umbut luba
Belacan
Lada
Garam
Limau Kasturi

CARA MEMBUATNYA :

Rebus umbut Luba dengan garam terlebih dahulu sehingga masak / empuk.

Belacan dan lada ditumbuk kemudian perahkan Limau Kasturi tersebut ke dalam bahan yang telah ditumbuk tadi. Setelah itu, masukkan kesemua bahan yang ditumbuk termasuk umbut luba yang sudah masak ke dalam mangkuk dan gaul hingga rata.

Sistem pentadbiran berteraskan Melayu Islam Beraja

Sumbangan : Dr. Muhammad Hadi Muhammad Melayong, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja dengan kerjasama Meja Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

DALAM menyoroti kepentingan mempelajari dan mengetahui sejarah sistem pentadbiran atau pemerintahan negara ini yang berlandaskan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB), adalah bisainya diamat-amati sabda yang telah disampaikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sempena Pembukaan Rasmi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Pertama Persatuan Sejarah Brunei (PESEBAR) pada tahun 1984. Sabda ini lebih banyak memberi maksud yang tersirat dari tersurat yang ingin disampaikan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien untuk difahami oleh setiap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) khususnya yang berkaitan dengan usaha mempertahankan kedaulatan negara ini. Sebagaimana yang kita maklum bahawa perjuangan untuk mengembalikan kedaulatan negara bukan satu perkara mudah yang telah diperjuangkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama rakyat Brunei. Antara lain isi kandungan sabda tersebut :

"*Dan sudah kena pada masanya kerana ini adalah satu cara sangat berpatutan dan sempurna untuk menguatkan minat-minat dan kasih sayang rakyat kepada negara. Di samping itu dapat pula meluaskan pengetahuan yang sebenar tentang sejarah NBD. Dengan mempunyai pengetahuan tentang negara sendiri mereka akan dapat mengetahui asal-usul mereka sebagai orang-orang Brunei yang terbilang dan termasyhur di sisi bangsa-bangsa lain dari zaman dulu kala lagi. Sebagaimana jua dengan amalan bangsa-bangsa lain yang mempunyai sejarah di dunia ini maka rakyat NBD perlu memelihara dan mengetahui dengan mendalam peristiwa-peristiwa dan cerita-cerita yang terjadi di negara sendiri kerana dengan pengetahuan itulah mereka melangkah ke masa hadapan dengan penuh percaya kepada diri sendiri serta iman kepada Allah Subhanahu Wata'ala.*

Penyelidikan-penyelidikan dan kajian-kajian yang mendalam yang bertujuan untuk menghidupkan dan meninggikan nama NBD di mana-mana jua adalah satu perkara yang patut digalakkan dan diberi pertolongan oleh sekelian yang berkenaan."

Maka adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab bagi semua rakyat dan penduduk NBD untuk mengetahui dan memahami akan sejarah asal usul bangsa Brunei demi kelangsungan negara MIB yang telah dititahkan pada 1 Januari 1984. Persoalannya kenapakah sejarah negara ini perlu dikaji dan diselidiki adalah supaya warisan tersebut diketahui oleh generasi pewaris Brunei masa kini dan masa akan datang. Warisan masa lalu itu merupakan panduan untuk dijadikan iktibar dan pengajaran berdasarkan segala peristiwa yang berlaku supaya pisang tidak berbuah dua kali. Contoh-contoh nyata banyak diperlihatkan mengenai kepimpinan yang tersasar daripada landasan MIB yang sering membawa kegagalan dan kehancuran dalam pengurusan dan petadbiran negara. Inilah hakikat yang perlu dipelajari dari peristiwa masa lalu. Perkara ini jelas dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, perlunya pemimpin-pempinan negara ini mempelajari bahkan mengamalkan nilai-nilai MIB dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan supaya tidak tersasar dari *environment* keBruneian yang mementingkan kepada kebajikan yang telah dirintis oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien sejak tahun 1953.

Oleh itu, supaya negara kita sentiasa mendapat keberkatan dan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka segala dasar yang dilaksanakan hendaklah berteraskan Islam yang menjadi paksi utama dalam cara kehidupan MIB. Semoga rintisan perjalanan masa lalu menjadi satu pengajaran kepada kepimpinan negara ini dalam mencapai dan mengekalkan kegemilangan dan kecemerlangan hidup bermasyarakat dan bernegara. Ini terbukti bahawa kepimpinan yang sentiasa berpegang teguh kepada ajaran Islam yang menjadi paksi MIB akan mendapat perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Lagipun sistem pemerintahan yang beracuan MIB adalah warisan yang telah dikeraskan oleh Sultan Berkat iaitu Sultan Brunei Ketiga, susur galur dari keturunan cucu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Selagi warisan ini terus dipertahankan, in shaa Allah kepimpinan negara ini akan sentiasa mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran sebagai negara Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur.

Maka sistem beraja yang kita miliki dan amalkan sehingga hari ini adalah sistem yang paling sesuai dan terus diamalkan mengikut perubahan zaman. Dalam hal ini kepimpinan yang berteraskan MIB paling penting bagi mendapatkan keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala dari segi kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati oleh setiap rakyatnya. Bagi NBD, sistem pentadbiran beracuan MIB memang merupakan satu warisan yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala seperti yang telah dititahkan dan telah mendarah dajing dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Warisan ini sentiasa saja menempuh cabaran. Dalam lipatan sejarah Brunei, ketika zaman pemerintahan Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin telah digambarkan beberapa peristiwa tentang pengamalan nilai-nilai yang bertentangan dengan cara hidup keBruneian yang membawa titik kehancuran dan terabainya kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Berikut dipetik sendikit peristiwa penting yang mencatatkan amalan ketidakjujuran dan ketidakamanahan dalam pengurusan hasil pendapatan negara. Sehingga Sultan Hashim bertindak membuat strategi sendiri bagi memperbaiki keadaan demi keselamatan negara dan rakyat.

Keadaan ini diinterpretasikan berdasarkan perbualan antara Sultan Hashim dengan penulis pengarang buku 'City of Many Waters' (seorang engineer Inggeris yang berkhidmat dengan Kilang Bakau di Kampong Ayer). Buku ini diterbitkan di London dalam tahun 1923. Antara lain pengarang tersebut menulis :

"*I want to bulid a small house looking seawards" he said. "So that I can eat the wind there in comfort and with the telescope examine the ships that enter the port,"* tambahnya lagi. *"Sometime ships come now and they do not tell me about them. He complained. They believe I am getting old. And perhaps they are right. But my brain is by no means dry yet.*"

Ini menampakkan sikap ketidakjujuran dan amanah dalam kalangan sesetengah pemimpin negara yang sepatutnya membantu sultan menguruskan pentabdiran tetapi sebaliknya berlaku seperti kata pepatah Melayu 'Harapkan pagar, pagar makan padi'. Inilah satu pengajaran yang patut diambil iktibar tentang gambaran amalan nilai-nilai negatif yang merosakkan negara dalam amalan pengurusan hasil kewangan negara yang tersasar dari landasan MIB. Perkara ini telah diperjelaskan oleh penulis dalam taklimat yang diberikan kepada Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan NBD dalam kertas kerja bertajuk 'Pengurusan dan Pentadbiran berlandaskan MIB' pada 24 Januari 2018.

Bahkan memandangkan MIB adalah merupakan sistem dalam pengurusan pentadbiran negara sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka pengamalan dan penghayatan nilai-nilai murni dan baik MIB hendaklah dipakai dan diamalkan dalam urusan pentadbiran negara sebagaimana titah baginda pada 21 Jamadilakhir 1439H bersamaan 7 Februari 2018M Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan :

"*Akhirnya, kepada semua termasuk pihak perhubungan, pelancongan, belia dan sukan serta luar negeri, luruskanlah tujuan masing-masing. Jangan bengkok-bengkok. Tidak ada gunanya memilih jalan lain dari jalan kita yang sedia ada. Jalan kita ini sudah cukup bagus, kalau ia diikut, InsyaaAllah kita selamat. Apakah jalan yang unik lagi hebat itu? Iaitu MIB. MIB adalah pakaian Brunei. Kita memakainya sejak lebih dari enam ratus tahun lagi. Jadi mengapa didalam zaman yang dinamakan zaman moden ini ia mahu dipertikaikan? Yakinlah barangsiapa yang mempertikai-kan MIB, mereka itu bukan purih Brunei atau tidak berjiwa Brunei.*"

Bertitik-tolak dari kewajipan sebagai rakyat dan penduduk NBD, Pejabat Sekertariat Majlis Tertinggi MIB tidak jemu-jemu untuk bekerjasama dalam menyebarluaskan kefahaman dan seterusnya untuk mengukuhkan pengamalan serta penghayatan nilai-nilai tersebut dalam aspek kehidupan. Mudah-mudahan dengan langkah-langkah ini masyarakat Brunei tidak akan tersasar daripada landasan cara hidup keBruneian dan terhindar dari pengaruh unsur-unsur negatif seperti jelama-jelama yang bersikap nepotisme, kronisme dan mementingkan diri daripada kepentingan rakyat dan negara sebagaimana titah baginda pada 21 Jamadilakhir 1439H bersamaan 7 Februari 2018M :

"*Di antara tanda-tanda pemimpin mabuk kuasa itu ialah licik mengatur rancangan atau strategi bagi kepentingan sendiri seperti mengamalkan kronisme dan nepotisme untuk mengkukuhkan kedudukan dan kuasa. Beta yakin perbuatan seperti ini tidak mendatangkan sebarang kebaikan melainkan keburukan belaka kepada negara dan tidaklah boleh dibiarkan terus berlaku.*"

InsyaaAllah dengan adanya perombakan kebinet yang baharu diumumkan oleh Kebawah DYMM pada 7 Februari 2018, kemajuan dan pembangunan akan terus dapat dinikmati oleh rakyat dan penduduk negara ini. Semoga kita dapat mengekalkan kelangsungan Brunei sebagai sebuah negara kebajikan (welfare state) untuk membolehkan rakyat dan penduduk negara ini dapat sama-sama membuat amal kebajikan untuk pelaburan akhirat. Ini semua akan kita capai dan jelmakan dengan pengamalan nilai-nilai MIB bagi melahirkan kepimpinan yang adil, jujur, amanah, ikhlas, prihatin, *babasah bakaring* dan sebagainya yang beracuankan nilai-nilai MIB sebagaimana yang diharsatkan oleh Kebawah DYMM :

"*Untuk menjadi pemimpin, keperluan untuk menguatkan amalan konsep MIB sangatlah mustahak. Jangan sekali-kali cuba menganut ideologi atau sistem lain dari ideologi dan sistem MIB. Kalau mahu jadi pemimpin yang baik, maka peganglah kuat-kuat prinsip ini dan juga jangan jadi pemimpin mabuk kuasa melakukan apa saja untuk kepentingan diri sendiri, lebih daripada kepentingan untuk negara.*"

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

KELUARAN KEDUA

Membanteras perhubungan bebas

MENJAUHI ATAU MENGHINDARI PERGAULAN BEBAS

ISLAM mengharamkan pergaulan bebas antara seseorang lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim hingga menyebabkan pencemaran kesucian ajaran agama Islam. Ia juga disebut melakukan khalwat iaitu pasangan lelaki dan perempuan yang bukan mahramnya, berada disuatu tempat yang tersembunyi dan tidak dilihat oleh orang lain.

Perbuatan ini juga perantaraan terjadinya perlakuan zina yang keji, bahkan pintu-pintu dosa akan terbuka luas. Malah syaitan sentiasa membisik hati manusia yang berkhalwat untuk berbuat maksiat. Hadis riwayat oleh Imam at-Tirmidzi, daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"*Tidak bersendirian seorang lelaki dengan seorang wanita, melainkan ada yang ketiga; dia itu adalah syaitan*."

MENJAGA AKHLAK DAN KEHORMATAN DIRI

Hendaklah menjaga kehormatan serta menjauhi diri daripada perkara yang boleh mendatangkan keinginan nafsu syahwat. Pergaulan dan kata-kata haruslah dijaga dengan baik. Sentuhan fizikal mestilah dielakkan. Tidak kira apa perhubungan antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrim (adik atau abang angkat, sahabat karib dan pasangan bercinta), Islam masih meletakkan batasan bahawa mereka tidak boleh bersentuh kulit (bersalam-salaman atau berpeluk) dan sebagainya tanpa ada keadaan darurat tertentu (menyelamat orang sakit atau lemah).

MENGAWAL BAHAN-BAHAN YANG TIDAK DIINGINI

Di era ini masyarakat terdedah dengan pelbagai perkara yang menghairahkan. Seperti wayang gambar, cakera padat, rancangan televisyen, majalah-majalah, permainan komputer dan yang terutama sekali video lucah. Perkara ini terdedah kepada masyarakat terutamanya golongan remaja dan belia. Tidak hairanlah dilihat muda-mudi kini berani berpakaian lincah dan seksi.

Bersyukur alhamdulillah di negara kita kini sedang giat membendung gejala-gejala buruk bagi sama-sama mengawal dan menghalang dari berleluasanya bahan-bahan yang tidak diingini seperti penjualan bahan-bahan terbitan, tayangan wayang gambar, penempahan barang dari luar negeri, kawalan rancangan televisyen, mengawal laman sesawang dan sebagainya.

Di samping itu juga, sokongan dan kerjasama dari orang ramai agar sama-sama menjalankan tanggungjawab dengan kuasa dan kemampuan yang ada bagi membanteras perkara-perkara yang membawa kemungkaran dan kemaksiatan. Dijelaskan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, dari Abu Sa'id al-Khudri, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"*Barangsiapa di antara kamu yang melihat kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya. Jika sekiranya ia tiada kuasa, maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidahnya. Jika sekiranya ia tiada juga berkuasa, maka hendaklah ia mengubahnya dengan hatinya. Dan yang demikian itu (iaitu mengubah dengan hatinya) adalah selemah-lemah iman*."

MENGUKUHKAN KEHARMONIAN KELUARGA

Keluarga adalah asas pembinaan masyarakat dan ummah. Keutuhan dan kekuatan bergantung kepada kemantapan harmoni keluarga. Ibu bapa berperanan penting dalam membina keluarga yang terdidik dan mengukuh syariat Islam agar anak-anak akan menjadi insan yang beriman, beramal soleh dan dapat menjauhi dan menghindari daripada melakukan kemungkaran. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At-Tahrim, ayat 6 yang tafsirnya :

"*Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka*."

Islam sentiasa mengajar umatnya dengan segala ajaran yang terkandung di dalam Al-Quran dan as-Sunnah dalam menjadikan masyarakat yang berilmu, beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam menjalani kehidupan seharian dengan melakukan tanggungjawab dan menurut perintah-Nya di samping dapat membanteras gejala-gejala buruk dan kemungkaran.

Ia sentiasa memberi jalan dan petunjuk yang amat baik dalam memimpin manusia menjalani kehidupan di dunia. Umat Islam sentiasa diseru agar mengukuhkan pegangan agama, menjaga akhlak dan kehormatan diri, menjauhi pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan yang bukan muhrim, mengawal bahan-bahan yang tidak diingini dan pengukuhan institusi keluarga agar tidak terjebak ke dalam dunia kemaksiatan.

Manusia tidak seharusnya berputus asa walaupun sudah telanjur melakukan dosa yang sangat besar di sisi Allah itu. Bagaimanapun dia hendaklah segera bertaubat kepada Allah dan menyesal di atas perbuatannya itu. Hendaklah dia berazam untuk tidak melakukan perbuatan itu lagi. Walau sebanyak mana dosa yang dilakukan oleh seseorang Muslim itu, kalau dia benar-benar insaf dan bertaubat kepada Allah, sudah tentulah taubatnya itu akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Firman Allah Subhanhu Wata'ala dalam Surah Al-Furqan, ayat 70 yang tafsirnya :

"*Kecuali orang yang bertaubat dan beriman serta mengerjakan amal yang baik, maka orang-orang itu Allah akan menggantikan (pada tempat) kejahatan mereka dengan kebaikan, dan adalah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani*."

Ancaman jenayah siber menggugat keamanan

ANCAMAN jenayah siber merupakan masalah yang sering dihadapi oleh para pengguna komputer masa kini memandangkan kebanyakan komputer mempunyai sambungan kepada rangkaian internet. Sehubungan dengan itu, agak sukar untuk mengetahui identiti sebenar pengguna yang lain terutama mereka yang profesional. Di atas faktor tersebut, maka penjenayah-penjenayah siber didapati agak bebas untuk melakukan aktiviti mereka seperti menyebarkan virus, membuat penggodaman dan juga mencuri data untuk tujuan risikan perniagaan atau kerajaan.

Ancaman jenayah siber adalah satu ancaman yang mana kesan sebenarnya banyak bergantung kepada nilai maklumat dan prasarana maklumat yang dijadikan sasaran dan kesan sampingan yang timbul darinya. Apa yang pasti ialah kesan jenayah siber ini boleh merebak secara global dalam masa yang amat singkat dan tidak bersifat setempat atau bersempadan seperti keganasan fizikal. Oleh itu kita perlu berusaha dan bersedia ke tahap yang boleh diterima pakai oleh masyarakat antarabangsa.

Kebanyakan dari sistem-sistem maklumat dan komunikasi kerajaan juga terdedah kepada risiko ancaman jenayah siber melalui rangkaian iaitu mempunyai keupayaan untuk berhubung di antara satu sama lain. Jenayah seperti ini boleh saja didalangi oleh orang persendirian, secara berkumpulan, kongsi gelap, pertubuhan haram dan negara lain yang mempunyai agendanya tersendiri.

Tidak ada jalan pintas dalam menangani ancaman jenayah siber melainkan setiap individu tersebut memainkan peranan masing-masing dalam lingkungan kuasa dan kemampuan yang ada terutamanya ketika menggunakan komputer. Mereka perlu mempunyai etika kerja yang murni dan tidak menyalahgunakan sumber yang diberikan.

Kesimpulannya, ancaman jenayah siber juga merupakan masalah sosial kerana berkaitan dengan tingkah laku manusia. Walau bagaimanapun, perbuatan ini amat susah dibendung kerana sukarnya untuk mengenal pasti penjenayahnya. Oleh sebab itu, kerajaan perlu mewujudkan organisasi bebas yang mempunyai kepakaran dalam keselamatan maklumat yang boleh memberi khidmat dan nasihat tentang cara yang betul dan sesuai untuk menangani ancaman jenayah siber. Organisasi ini kelak diharapkan dapat dirujuk oleh semua golongan masyarakat di Brunei Darussalam secara mudah.

Nama : Muhammad Rahmat bin Roslan
No. K/P : 01-107384 (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. **'Rakyat Perlu Memiliki Nilai Patriotisme'. Tarikh Tutup : 20 Februari 2019**
2. **'Semangat Kejiranan Erat Perpaduan'. Tarikh Tutup : 27 Februari 2019**
3. **'Memperkasa Pembelajaran Al-Quran'. Tarikh Tutup : 6 Mac 2019**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Pelita Brunei

Sukan

INFO SUKAN

LEBIH 40 peserta mengikuti Kursus Asas Pengadil Bola Sepak selama lima hari bermula 15 Februari 2019. Kursus yang diadakan setiap Jumaat dan Ahad, berlangsung di Rumah Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD), Berakas. Kursus ini atau lebih tepat lagi dinamakan New Recruiting Referees merupakan salah satu aktiviti yang termasuk dalam pelan tindakan NFABD melalui Jabatan Pengadil untuk mengendalikan sekurang-kurangnya empat kali kursus bagi pengambilan pengadil-pengadil baharu dalam masa dua tahun.

ePaper Pelita Brunei

FOKUS SUKAN

Prasarana Awam

DI Negara Brunei Darussalam terdapat sebanyak 21 buah kompleks sukan dibina oleh pihak kerajaan meliputi semua daerah melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) yang memiliki kemudahan-kemudahan serta peralatan-peralatan sukan yang diiktiraf dan diperakui oleh badan sukan serantau dan antarabangsa.

Bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM), antara kompleks sukan yang ada ialah Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang dibina pada tahun 1981 dengan kos pembinaan BND100 juta dan boleh menampung kira-kira 25,000 tempat duduk.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Jabatan Penerangan

TIP PERUBATAN SUKAN

BAGAIMANA menggunakan ais bagi membantu merawat kecederaan semasa bersukan? Masukkan ketulan ais ke dalam beg plastik atau beg ais dan tekap bahagian yang tercedera. Beg plastik mudah mengikut bentuk kebanyakan sendi-sendi. Ini dipanggil Cold Compression. Untuk mengelakkan kulit melecur, sapukan minyak zaitun atau minyak kelapa di bahagian terlibat sebelum meletakkan ais.

Kejohanan-kejohanan Sukan di Negara Brunei Darussalam

Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD)

Siri Pertama

SUKAN Kebangsaan Brunei Darussalam (SKBD) dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang dikelolakan bersama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan Brunei Darussalam.

Pertama kalinya SKBD diadakan ialah pada tahun 2012, merupakan kejohanan peringkat kebangsaan yang bertujuan untuk membina serta memajukan tahap dan prestasi ahli-ahli sukan di Negara Brunei Darussalam dengan penyertaan ahli-ahli sukan dari seluruh Negara Brunei Darussalam secara berkontinjen.

Ia diharapkan akan dapat membentuk golongan ahli sukan yang berwibawa, selain membina semangat persaingan yang sihat dan mesra, bekerjasama dalam pembangunan sukan dan perkembangan bakat-bakat atlet ke arah membentuk kecemerlangan dan kegemilangan sukan di Negara Brunei Darussalam.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'TANAMKAN SEMANGAT KENEGARAAN DALAM JIWA MASYARAKAT'

دتربيتكن اوله جباتن ڤنراغن، جباتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله جباتن ڤرچيتقن كراجأن، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam